



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

LAPORAN BANCI 2024 PERTANIAN





KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

LAPORAN BANGCI PERTANIAN 2024

KOKO

Pemakluman

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Announcement

Malaysia, for the first time, ranked as number one (1) globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh / *Published and printed by:*

Jabatan Perangkaan Malaysia

Department of Statistics Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62514 Putrajaya,

MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000
Faks : 03-8888 9248
Portal : <https://www.dosm.gov.my>
Facebook / X / Instagram / YouTube : StatsMalaysia
E-mel / *E-mail* : info@dosm.gov.my (pertanyaan umum / *general enquiries*)
: data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data / *data request & enquiries*)
Harga / *Price* : RM90.00

Diterbitkan pada Disember 2025 / *Published in December 2025*

Hakcipta terpelihara / *All rights reserved.*

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in database without the prior written permission from Department of Statistics Malaysia. Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:

“Source: Department of Statistics Malaysia”

Penafian / *Disclaimer*

Dapatan Banci Pertanian 2024 yang diterbitkan menggunakan konsep dan Metodologi pengumpulan data aktiviti pertanian berpandukan manual *World Programme for the Census of Agriculture 2020* (WCA 2020).

Sebarang perbezaan profil atau parameter hasil dapatan banci ini dengan statistik pertanian terbitan pihak lain hendaklah ditafsir dengan sebaik-baiknya. Dapatan ini menggambarkan sektor pertanian bagi tahun 2023 dan boleh dijadikan rujukan bagi perancangan, pemantauan serta penilaian dasar dan program pertanian negara.

“The findings of the 2024 Agricultural Census were published using the concepts and methodologies for collecting agricultural activity data as guided by the World Programme for the Census of Agriculture 2020 (WCA 2020) manual.

Any differences in profiles or parameters between the results of this census and agricultural statistics published by other parties should be interpreted with due care. These findings reflect the agricultural sector for the year 2023 and may be used as a reference for the planning, monitoring, and evaluation of national agricultural policies and programmes.”

ISBN 978-629-465-161-6

KATA PENGANTAR

Laporan Banci Pertanian 2024: Koko membentangkan parameter koko di Malaysia bagi tahun rujukan 2023. Penerbitan ini mengandungi maklumat profil pegangan pertanian meliputi individu dan pertubuhan serta penemuan parameter utama tanaman koko.

Penyusunan parameter ini merujuk kepada manual *World Programme for the Census of Agriculture* (WCA) 2020 bagi tempoh 2016 hingga 2025 yang menyarankan negara supaya melaksanakan Banci Pertanian sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 10 tahun. Malaysia merupakan antara negara yang melaksanakan Banci Pertanian pada tahun 2024 bagi tahun rujukan 2023.

Dalam menghasilkan profil dan parameter pertanian melalui pelaksanaan Banci Pertanian 2024, kerjasama strategik antara Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dengan pemegang taruh iaitu Kementerian Pertanian & Keterjaminan Makanan, Kementerian Perlindungan & Komoditi, Kementerian Sumber Asli & Kelestarian Alam dan Kerajaan Negeri telah terjalin erat bagi menjamin integriti data.

Penerbitan ini memaparkan penemuan parameter utama tanaman koko yang merangkumi keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan, nilai jualan, pendapatan dan perbelanjaan. Manakala, nota teknikal yang mengandungi konsep & definisi dan kata singkatan bagi memudahkan pengguna memahami parameter yang diterbitkan.

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 ini dapat dimanfaatkan oleh agensi kerajaan untuk tujuan perancangan dan penggubalan dasar, pemantauan serta penilaian keberkesanan program pembangunan pertanian negara. Sementara itu, ahli ekonomi, ahli akademik dan individu boleh menggunakan parameter ini dalam analisis serta penyelidikan sosial dan ekonomi.

Gerbang Digital Statistik Pertanian (TaniStats 2.0) turut dibangunkan sebagai platform bersepadu yang memudahkan capaian kepada data pertanian secara digital. TaniStats 2.0 akan mengintegrasikan data pertanian daripada pelbagai sumber untuk dijadikan rujukan bagi menyokong pembangunan dasar demi kemajuan sektor pertanian negara.

DOSM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama yang diberikan oleh semua pihak yang telah menyumbang secara langsung atau tidak langsung dalam merealisasikan penerbitan ini. Setiap maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan penerbitan ini pada masa akan datang amatlah dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN
Ketua Perangkawan Malaysia
Disember 2025



PREFACE

The Agriculture Census Report 2024: Cocoa presents the parameters of cocoa in Malaysia for the reference year 2023. This publication contains information on the profile of agricultural holdings covering individuals and establishments as well as the findings of main parameters for cocoa crops.

The compilation of these parameters refers to the World Programme for the Census of Agriculture (WCA) 2020 manual for the period 2016 to 2025 which recommends that countries conduct the Agricultural Census at least once in 10 years. Malaysia is among the countries that had conducted the Agriculture Census in 2024 for the reference year 2023.

In producing agricultural profiles and parameters through the implementation of the Agriculture Census 2024, the strategic collaboration between the Department of Statistics Malaysia (DOSM) and key stakeholders namely the Ministry of Agriculture & Food Security, the Ministry of Plantation & Commodities, the Ministry of Natural Resources & Environmental Sustainability, and the State Governments has been firmly established to ensure data integrity.

This publication displays the findings of the main parameters of cocoa crops which include planted area, harvested area, production quantity, sales quantity, sales value, income and expenditure. Meanwhile, technical notes containing concepts & definitions and abbreviations to facilitate users in understanding the published parameters.

The findings of the Agricultural Census 2024 can be utilised by government agencies for the purpose of planning and policy formulation, monitoring and evaluating the effectiveness of the country's agricultural development programs. Meanwhile, economists, academicians and individuals can use these parameters in social and economic analysis and research.

The Agricultural Statistics Digital Gateway (TaniStats 2.0) was developed as an integrated platform to facilitate secure and systematic digital access to agricultural data. TaniStats 2.0 consolidates agricultural statistics from multiple sources, to serve as a reference in supporting policy development for the advancement of the national agricultural sector.

DOSM would like to express its deepest appreciation for the cooperation given by all parties who have contributed directly or indirectly in the realisation of this publication. Any feedback and suggestions for improving this publication in the future are greatly appreciated.


DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Chief Statistician Malaysia

December 2025

BANCI PERTANIAN 2024

Banci Pertanian 2024 merupakan banci keempat dilaksanakan sejak penubuhan Malaysia pada tahun 1963. Pelaksanaan banci ini adalah sejajar dengan manual *World Programme for the Census of Agriculture* (WCA) 2020 yang menyarankan setiap negara ahli melaksanakan Banci Pertanian sekurang-kurangnya sekali bagi tempoh 2016 hingga 2025. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 November 2023 telah bersetuju supaya Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) di bawah Kementerian Ekonomi melaksanakan Banci Pertanian 2024. Tadbir urus Banci Pertanian 2024 terdiri daripada Jawatankuasa Pemandu Banci yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dan Jawatankuasa Utama Banci yang dipengerusikan oleh Ketua Perangkawan Malaysia selaku Pesuruhjaya Banci serta melibatkan pelbagai agensi pelaksana di peringkat persekutuan dan negeri iaitu Timbalan Pesuruhjaya, Penolong Pesuruhjaya dan Penguasa Daerah. Selain itu hampir tujuh ribu orang terdiri daripada Penyelia dan Pembanci telah dilantik bagi sepanjang tempoh pelaksanaan banci. Penggembelengan tenaga kerja warga DOSM pelbagai peringkat jawatan anggaran seramai 1,400 orang dalam perancangan, pengurusan operasi dan penganalisan data menunjukkan komitmen dan kesungguhan DOSM dalam menjayakan Banci Pertanian 2024.



Ahli Jawatankuasa Pemandu Banci

Pengerusi : Ketua Setiausaha Negara

Pengerusi Ganti : Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam

Ahli:

- Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
- Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan
- Ketua Setiausaha Kementerian Perlindungan dan Komoditi
- Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi
- Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri
- Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
- Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
- Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan
- Ketua Perangkawan Malaysia
- Setiausaha Kerajaan Negeri



Operasi dan prosesan data Banci Pertanian 2024 telah bermula pada 7 Julai 2024 dan tamat pada 31 Disember 2024. Seiring dengan usaha memastikan ketepatan dan kualiti data yang dikumpulkan, Semakan Kualiti (QC) dan Penilaian Liputan Banci (PLB) turut dijalankan di lapangan dengan tujuan untuk menilai keberkesanan liputan, sejajar dengan piawaian antarabangsa yang disyorkan oleh Food and Agriculture Organization (FAO) dan WCA. Banci ini telah melalui proses transformasi dengan penggunaan ICT yang terkini bagi aktiviti pembancian melalui sistem MyAgriCensus.

Kejayaan Banci Pertanian 2024 ini adalah hasil kolaborasi dan kerjasama strategik antara DOSM dengan 1,390 agensi pelbagai di peringkat Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Daerah. Kerjasama ini bermula daripada peringkat awal penentuan konsep, liputan banci, pembangunan soal selidik, operasi dan proses validasi dan analisis data bagi bagi menjamin penghasilan data yang berintegriti dan *reliable*. Beberapa sesi libat urus dan bengkel mengikut kluster pertanian turut diadakan antara DOSM dengan agensi pertanian untuk meneliti dapatan banci dan mengabsahkan senarai liputan pegangan pertanian secara kolektif. Sesi ini juga bertujuan menjamin konsistensi, selain merapatkan jurang data dengan data pentadbiran yang sedia ada di pelbagai peringkat agensi.

Majlis Peluncuran Laporan Interim Banci Pertanian 2024 telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 29 Mei 2025. Sejumlah 17 Laporan Interim Banci Pertanian 2024 serta tiga (3) laporan penerbitan khas iaitu Laporan Menelusuri Rantaian Pertanian Malaysia Dari Hulu ke Hilir, Laporan Awalan Indikator Keterjaminan Makanan Malaysia 2025 dan Laporan Khas Bawang, Daging dan Kelapa. Sebagai langkah memperkukuh pengurusan data pertanian bersepadu negara menerusi digitalisasi, dua *dashboard* baharu telah dilancarkan iaitu Sistem Integrasi Digital Pangkalan Data Pertanian Bersepadu (TaniStats) dan Aplikasi Harga Produk Pertanian (*MyAgroPrice*). Sementara itu, Majlis Peluncuran Laporan Interim Banci Pertanian 2024 peringkat negeri turut dilaksanakan secara berperingkat di semua negeri melibatkan 14 penerbitan Laporan Interim Banci Pertanian 2024 Negeri.

Outcome Banci Pertanian 2024 akan memberi tumpuan kepada agenda nasional dan menjadi penanda aras baharu bagi sektor pertanian negara. Maklumat yang berintegriti dan *reliable* digunakan sebagai input dalam membuat keputusan berasaskan bukti untuk perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian *blueprint* pembangunan negara. Satu platform khas iaitu Gerbang Digital Statistik Pertanian (TaniStats 2.0) telah dibangunkan untuk menyediakan data di hujung jari yang dapat memenuhi keperluan pemegang taruh dalam perancangan pembangunan sosio ekonomi. Secara tidak langsung, ia dapat merapatkan jurang digital dalam capaian sumber data yang pelbagai dan kompleks. TaniStats 2.0 akan mengintegrasikan data pertanian daripada pelbagai sumber dan platform ini menyokong pembangunan dasar yang berasaskan data (*data-driven policy*), mempercepat proses analisis trend dan impak. Ia juga membolehkan perancangan yang lebih bersasar dan responsif terhadap isu semasa. Secara keseluruhan, platform ini menyumbang ke arah tadbir urus sektor pertanian yang lebih strategik, telus dan berimpak tinggi. Platform ini menyebarkan maklumat berkaitan penemuan utama Banci Pertanian 2024, serta pelbagai informasi sokongan lain yang relevan.

Halaman utama portal TaniStats 2.0 ini merangkumi:

- a) Penerangan ringkas mengenai maksud dan fungsi utama TaniStats 2.0 sebagai sistem bersepadu untuk data dan statistik sektor pertanian;
- b) Rasional dan keperluan pembangunan sistem ini dalam menyokong perancangan dan pemantauan sektor pertanian negara;
- c) Kepentingan sistem ini dalam menyediakan data yang tepat, pantas dan bersepadu untuk pelbagai pihak; dan
- d) Peranan TaniStats 2.0 dalam memperkukuh dasar, memacu pertumbuhan sektor agromakanan, serta menyokong pembangunan mampan negara.

TaniStats 2.0 juga mengandungi MyAgroPrice iaitu satu platform interaktif yang memaparkan maklumat terkini harga produk pertanian terpilih dengan liputan siri masa secara bulanan dari tahun 2020 hingga 2024. Papan pemuka ini memaparkan perubahan harga di peringkat rantai edaran produk pertanian iaitu harga Ladang, Borong dan Runcit mengikut negeri. MyAgroPrice merupakan inovasi yang memberikan maklumat paras dan perubahan harga produk pertanian terpilih yang boleh dimanfaatkan oleh pengguna bagi keputusan kepenggunaan.

Keberhasilan utama banci ini juga adalah berkaitan pengukuhan statistik pertanian. Banci Pertanian kini akan dilaksanakan setiap 10 tahun secara berkala bagi memastikan ketersediaan data asas yang terkini, selari dengan keperluan semasa dan cabaran masa hadapan. Bagi memperkukuhkan ketersediaan data pertanian, survei pertanian jangka pendek akan dilaksanakan secara berkala mulai 2026.

Selain itu, penerbitan Indikator Keterjaminan Makanan secara tahunan, Indeks Pengeluaran Pertanian secara suku tahunan dan Indeks Keterjaminan Makanan akan diterbitkan sebagai sumber rujukan dalam merangka hala tuju sektor pertanian negara.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
Kata Pengantar	iii
Kandungan	ix
Senarai Jadual	x
Statistik Utama	3
Penemuan Utama	13
Rencana	
• Industri Tanaman Koko di Malaysia	39
• Kos Bahan Langsung Tanaman Koko di Malaysia	47
Jadual	55
Nota Teknikal	267
Penghargaan	285
Lampiran	291



Jadual	Senarai Jadual	Muka Surat
1.0	Pegangan Pertanian bagi Tanaman Koko mengikut Negeri, Malaysia, 2023	55
1.1	Pegangan Pertanian bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	56
1.2	Pegangan Pertanian Pertubuhan bagi Tanaman Koko mengikut Negeri, Malaysia, 2023	63
1.3	Pegangan Pertanian Pertubuhan bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	64
2.0	Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Koko, Malaysia, 2023	69
2.1	Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Koko, Johor, 2023	71
2.2	Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Koko, Kedah, 2023	73
2.3	Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Koko, Kelantan, 2023	75
2.4	Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Koko, Melaka, 2023	77
2.5	Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Koko, Negeri Sembilan, 2023	79
2.6	Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Koko, Pahang, 2023	81
2.7	Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Koko, Pulau Pinang, 2023	83
2.8	Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Koko, Perak, 2023	85
2.9	Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Koko, Perlis, 2023	87
2.10	Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Koko, Selangor, 2023	89
2.11	Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Koko, Terengganu, 2023	91
2.12	Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Koko, Sabah, 2023	93
2.13	Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Koko, Sarawak, 2023	95

Jadual	Senarai Jadual	Muka Surat
2.14	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Koko mengikut Negeri dan Kewarganegaraan, Malaysia, 2023	97
2.15	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran dan Kewarganegaraan, Malaysia, 2023	98
2.16	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Koko mengikut Negeri dan Jantina, Malaysia, 2023	105
2.17	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran dan Jantina, Malaysia, 2023	106
2.18	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Koko mengikut Negeri dan Kumpulan Umur , Malaysia, 2023	113
2.19	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran dan Kumpulan Umur, Malaysia, 2023	114
2.20	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Koko mengikut Negeri dan Kumpulan Etnik , Malaysia, 2023	123
2.21	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran dan Kumpulan Etnik, Malaysia, 2023	124
2.22	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Koko mengikut Negeri dan Taraf Perkahwinan, Malaysia, 2023	133
2.23	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran dan Taraf Perkahwinan, Malaysia, 2023	134
2.24	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Koko mengikut Negeri dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Malaysia, 2023	144
2.25	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Malaysia, 2023	147
3.0	Parameter Utama Tanaman Koko bagi Pegangan Pertanian mengikut Negeri, Malaysia, 2023	177
3.1	Parameter Utama Tanaman Koko bagi Pegangan Pertanian Individu mengikut Negeri, Malaysia, 2023	178
3.2	Parameter Utama Tanaman Koko bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Negeri, Malaysia, 2023	179



Jadual	Senarai Jadual	Muka Surat
3.3	Parameter Utama Tanaman Koko bagi Pegangan Pertanian mengikut Daerah Pentadbiran, Johor, 2023	180
3.4	Parameter Utama Tanaman Koko bagi Pegangan Pertanian Individu mengikut Daerah Pentadbiran, Johor, 2023	181
3.5	Parameter Utama Tanaman Koko bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Daerah Pentadbiran, Johor, 2023	182
3.6	Parameter Utama Tanaman Koko bagi Pegangan Pertanian mengikut Daerah Pentadbiran, Kedah, 2023	183
3.7	Parameter Utama Tanaman Koko bagi Pegangan Pertanian Individu mengikut Daerah Pentadbiran, Kedah, 2023	184
3.8	Parameter Utama Tanaman Koko bagi Pegangan Pertanian mengikut Daerah Pentadbiran, Kelantan, 2023	185
3.9	Parameter Utama Tanaman Koko bagi Pegangan Pertanian Individu mengikut Daerah Pentadbiran, Kelantan, 2023	186
3.10	Parameter Utama Tanaman Koko bagi Pegangan Pertanian mengikut Daerah Pentadbiran, Melaka, 2023	187
3.11	Parameter Utama Tanaman Koko bagi Pegangan Pertanian Individu mengikut Daerah Pentadbiran, Melaka, 2023	188
3.12	Parameter Utama Tanaman Koko bagi Pegangan Pertanian mengikut Daerah Pentadbiran, Negeri Sembilan, 2023	189
3.13	Parameter Utama Tanaman Koko bagi Pegangan Pertanian Individu mengikut Daerah Pentadbiran, Negeri Sembilan, 2023	190
3.14	Parameter Utama Tanaman Koko bagi Pegangan Pertanian mengikut Daerah Pentadbiran, Pahang, 2023	191
3.15	Parameter Utama Tanaman Koko bagi Pegangan Pertanian Individu mengikut Daerah Pentadbiran, Pahang, 2023	192
3.16	Parameter Utama Tanaman Koko bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Daerah Pentadbiran, Pahang, 2023	193

Jadual	Senarai Jadual	Muka Surat
3.17	Parameter Utama Tanaman Koko bagi Pegangan Pertanian mengikut Daerah Pentadbiran, Pulau Pinang, 2023	194
3.18	Parameter Utama Tanaman Koko bagi Pegangan Pertanian Individu mengikut Daerah Pentadbiran, Pulau Pinang, 2023	195
3.19	Parameter Utama Tanaman Koko bagi Pegangan Pertanian mengikut Daerah Pentadbiran, Perak, 2023	196
3.20	Parameter Utama Tanaman Koko bagi Pegangan Pertanian Individu mengikut Daerah Pentadbiran, Perak, 2023	197
3.21	Parameter Utama Tanaman Koko bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Daerah Pentadbiran, Perak, 2023	198
3.22	Parameter Utama Tanaman Koko bagi Pegangan Pertanian mengikut Daerah Pentadbiran, Selangor, 2023	199
3.23	Parameter Utama Tanaman Koko bagi Pegangan Pertanian Individu mengikut Daerah Pentadbiran, Selangor, 2023	200
3.24	Parameter Utama bagi Tanaman Koko bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Daerah Pentadbiran, Selangor, 2023	201
3.25	Parameter Utama Tanaman Koko bagi Pegangan Pertanian mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023	202
3.26	Parameter Utama Tanaman Koko bagi Pegangan Pertanian Individu mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023	203
3.27	Parameter Utama Tanaman Koko bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023	204
3.28	Parameter Utama Tanaman Koko bagi Pegangan Pertanian mengikut Daerah Pentadbiran, Sabah, 2023	205
3.29	Parameter Utama Tanaman Koko bagi Pegangan Pertanian Individu mengikut Daerah Pentadbiran, Sabah, 2023	207
3.30	Parameter Utama bagi Tanaman Koko bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Daerah Pentadbiran, Sabah, 2023	209



Jadual	Senarai Jadual	Muka Surat
3.31	Parameter Utama Tanaman Koko bagi Pegangan Pertanian mengikut Daerah Pentadbiran, Sarawak, 2023	211
3.32	Parameter Utama Tanaman Koko bagi Pegangan Pertanian Individu mengikut Daerah Pentadbiran, Sarawak, 2023	213
3.33	Parameter Utama Tanaman Koko bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Daerah Pentadbiran, Sarawak, 2023	215
4.0	Keluasan Bertanam bagi Tanaman Koko mengikut Negeri, Malaysia, 2023	217
4.1	Keluasan Bertanam bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	218
5.0	Keluasan Bertuai bagi Tanaman Koko mengikut Negeri, Malaysia, 2023	225
5.1	Keluasan Bertuai bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	226
6.0	Kuantiti Pengeluaran bagi Tanaman Koko mengikut Negeri, Malaysia, 2023	233
6.1	Kuantiti Pengeluaran bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	234
7.0	Kuantiti dan Nilai Jualan bagi Tanaman Koko mengikut Negeri, Malaysia, 2023	241
7.1	Kuantiti dan Nilai Jualan bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	242
8.0	Pendapatan Pegangan Pertanian bagi Tanaman Koko mengikut Negeri, Malaysia, 2023	251
8.1	Pendapatan Pegangan Pertanian bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	252
9.0	Perbelanjaan Pegangan Pertanian bagi Tanaman Koko mengikut Negeri, Malaysia, 2023	258
9.1	Perbelanjaan Pegangan Pertanian bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	259



STATISTIK UTAMA

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

SOROTAN TANAMAN KOKO, MALAYSIA, 2023



Petunjuk:



Sumber: Banci Pertanian 2024



PROFIL PEGANGAN PERTANIAN DAN PARAMETER UTAMA TANAMAN KOKO, MALAYSIA, 2023

PEGANGAN PERTANIAN

Jumlah



4,163

Pertubuhan



16

Individu



4,147

KEWARGANEGARAAN (ORANG)



Warganegara
4,147
(100%)



Bukan Warganegara
-
-

JANTINA (ORANG)



Lelaki
3,138
(75.7%)



Perempuan
1,009
(24.3%)

KUMPULAN UMUR (ORANG)



15 - 30 tahun
75 (1.8%)



46 - 59 tahun
1,660 (40.0%)



31 - 45 tahun
774 (18.7%)



60 tahun dan ke atas
1,638 (39.5%)

KUMPULAN ETNIK (ORANG)



Bumiputera

3,992 (96.2%)



India

7 (0.02%)



Cina

141 (3.4%)



Lain - lain

7 (0.2%)

Nota: Warganegara sahaja

TARAF PERKAHWINAN (ORANG)



Tidak Pernah Berkahwin
296 (7.1%)



Berkahwin
3,458 (83.4%)



Bercerai / Berpisah
60 (1.5%)



Balu / Duda
333 (8.0%)

SIJIL TERTINGGI DIPEROLEH (ORANG)



Tertiari
105 (2.5%)



Rendah
2,057 (49.6%)



Menengah
748 (18.0%)



Tiada Sijil
1,237 (29.8%)

PARAMETER UTAMA TANAMAN KOKO, MALAYSIA, 2023

	 Pegangan Pertanian	 Keluasan Bertanam (ha)	 Keluasan Bertuai (ha)	 Kuantiti Pengeluaran (mt)	 Kuantiti Jualan (mt)	 Nilai Jualan (RM ribu)
 Jumlah	4,163	4,901.8	3,496.4	303.2	269.2	2,667.43
 Individu	4,147 (99.6%)	3,988.0 (84.4%)	2,774.2 (79.4%)	157.0 (51.8%)	127.2 (47.2%)	1,261.1 (47.3%)
 Pertubuhan	16 (0.4%)	913.2 (18.6%)	722.3 (20.7%)	146.1 (48.2%)	142.0 (52.8%)	1,406.4 (52.7%)

Sumber: Banci Pertanian 2024





KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAIAN MALAYSIA

PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN TANAMAN KOKO, MALAYSIA, 2023



PENDAPATAN
(RM juta)



Malaysia
RM16.47



Individu
RM12.84
(77.9%)



Pertubuhan
RM3.63
(22.1%)



PERBELANJAAN
(RM juta)



Malaysia
RM6.88




Individu
RM4.90
(71.2%)



Pertubuhan
RM1.98
(28.8%)

PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN MENGIKUT NEGERI (RM JUTA)



Nota: Peta tidak mengikut skala yang sebenar

Sumber: Banci Pertanian 2024





@StatsMalaysia



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



HIGHLIGHT OF COCOA CROP, MALAYSIA, 2023



Legend:



Source: Agriculture Census 2024





KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

AGRICULTURE HOLDINGS PROFILE AND KEY PARAMETERS COCOA CROP, MALAYSIA, 2023

AGRICULTURE HOLDING

Total



4,163

Establishment



16

Individual



4,147

CITIZENSHIP (PERSONS)



Malaysian

32,187

99.99%



Non-Malaysian

4

0.01%

GENDER (PERSONS)



Male

27,240

84.6%



Female

4,951

15.4%

AGE GROUP (PERSONS)



15 - 30 years

653 (2.0%)



46 - 59 years

12,034 (37.0%)



31 - 45 years

4,535 (14.0%)



60 years and above

14,969 (43.3%)

ETHNIC GROUPS (PERSONS)



Bumiputera

3,922 (96.2%)



Indian

7 (0.2%)



Chinese

141 (3.4%)



Others

7(0.2%)

Note: Malaysian only

MARITAL STATUS (PERSONS)



Never Married

296 (7.1%)



Married

3,458 (83.4%)



Divorced / Separated

60 (1.5%)



Widow / Widower

333 (8.0%)

HIGHEST CERTIFICATE ATTAINED (PERSONS)



Tertiary

105 (2.5%)



Primary

2,057 (49.6%)



Secondary

748 (18.0%)



No Certificate

1,237 (29.8%)

KEY PARAMETERS OF THE COCOA CROP, MALAYSIA, 2023

	 Agriculture Holding	 Planted Area (ha)	 Harvested Area (ha)	 Production Quantity (mt)	 Sales Quantity (mt)	 Sales Value (RM thousand)
 Total	4,163	4,901.8	3,496.4	303.2	269.2	2,667.43
 Individual	4,147 (99.6%)	3,988.0 (84.4%)	2,774.2 (79.4%)	157.0 (51.8%)	127.2 (47.2%)	1,261.1 (47.3%)
 Establishment	16 (0.4%)	913.2 (18.6%)	722.3 (20.7%)	146.1 (48.2%)	142.0 (52.8%)	1,406.4 (52.7%)

Source: Agricultural Census 2024



20 October 2016 - 2030



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAIAN MALAYSIA

INCOME AND EXPENDITURE COCOA CROP, MALAYSIA, 2023



INCOME
(RM million)



Malaysia
RM16.47



Individual
RM12.84
(77.9%)



Establishment
RM3.63
(22.0%)



Expenditure
(RM million)



Malaysia
RM6.88




Individual
RM4.9
(71.2%)



Establishment
RM1.98
(28.8%)

INCOME AND EXPENDITURE BY STATE (RM MILLION)



Note: The map is not to scale

Source: Agricultural Census 2024



@StatsMalaysia



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



PENEMUAN UTAMA

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

PENGENALAN

Laporan Banci Pertanian 2024: Koko memaparkan parameter utama tanaman koko berdasarkan dapatan Banci Pertanian 2024 bagi tahun rujukan 2023. Parameter yang dipaparkan dalam laporan ini merangkumi bilangan pegangan pertanian yang terdiri daripada pegangan pertanian individu dan pertubuhan yang menjalankan aktiviti tanaman koko untuk tujuan jualan. Lokasi pegangan pertanian bagi aktiviti tanaman koko merujuk kepada lokasi tempat tinggal bagi pegangan pertanian individu, manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan merujuk kepada alamat pertubuhan berada. Selain itu, laporan ini turut mengandungi maklumat keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan dan nilai jualan, pendapatan dan perbelanjaan. Maklumat bagi parameter adalah merujuk kepada lokasi aktiviti penanaman koko dijalankan.

pekebun kecil. Walaupun sumbangan industri koko terhadap ekonomi negara telah menurun berbanding era kemuncaknya pada dekad 1980-an, tanaman koko masih mempunyai potensi strategik untuk dibangunkan semula melalui pendekatan pertanian mampan dan pengukuhan aktiviti hiliran.

Paparan 1: *Theobroma cacao* atau koko



LATAR BELAKANG

Tanaman koko (*Theobroma cacao*) merupakan salah satu komoditi pertanian tropika yang mempunyai kepentingan ekonomi dan sosial yang signifikan di peringkat global. Selain sebagai bahan mentah utama dalam industri pembuatan coklat, koko memainkan peranan penting dalam rantai nilai makanan, kosmetik dan farmaseutikal. Di negara pengeluar termasuk Malaysia, tanaman ini turut menyumbang kepada pendapatan luar bandar dan peluang pekerjaan, khususnya dalam kalangan

Dari sudut agronomi, koko merupakan tanaman yang sesuai ditanam di kawasan beriklim panas dan lembap dengan taburan hujan yang sekata serta tanah yang bersaliran baik. Secara botani, terdapat tiga kumpulan utama biji koko iaitu *Forastero*, *Criollo* dan *Trinitario*, yang masing-masing mempunyai ciri tersendiri dari segi produktiviti, ketahanan penyakit dan kualiti rasa. Dalam konteks penanaman komersial, varieti hibrid dan klon terpilih lebih digemari kerana keupayaannya menghasilkan hasil yang stabil serta lebih tahan terhadap penyakit utama seperti *Vascular Streak Dieback* dan reput buah hitam.



keupayaannya menghasilkan hasil yang stabil serta lebih tahan terhadap penyakit utama seperti *Vascular Streak Dieback* dan reput buah hitam.

Paparan 2: Jenis Biji Koko

Jenis Biji Koko	Kriteria
 FORASTERO	• Varieti paling biasa • Menyumbang majoriti pengeluaran dunia • Tahan penyakit dan hasil tinggi • Rasa lebih kuat dan kurang kompleks.
 CRIOLLO	• Biji berkualiti tinggi • Rasa lebih halus dan kompleks • Aroma buah-buahan, kacang • Kurang produktif dan lebih sensitif kepada penyakit.
 TRINITARIO	• Hibrid semula jadi antara <i>Forastero</i> dan <i>Criollo</i> • Menggabungkan ketahanan <i>Forastero</i> dengan kualiti rasa <i>Criollo</i>

Di Malaysia, penanaman koko berkembang pesat pada tahun 1970-an hingga awal 1990-an, khususnya di Sabah dan Sarawak, sebelum mengalami penyusutan akibat pelbagai faktor struktur dan ekonomi. Antaranya termasuk persaingan guna tanah dengan tanaman lain yang lebih menguntungkan, kekurangan tenaga kerja, serangan penyakit, serta penurunan harga koko di pasaran antarabangsa. Namun demikian, perubahan corak permintaan global yang semakin menekankan kualiti, kelestarian dan kebolehesanan sumber telah membuka ruang baharu kepada

pengeluar koko berskala kecil dan sederhana untuk memposisikan diri dalam segmen pasaran bernilai tinggi.

Dari perspektif rantai nilai, koko tidak terhad kepada pengeluaran biji mentah semata-mata. Aktiviti pemprosesan seperti penapaian, pengeringan dan pengisaran memainkan peranan penting dalam menentukan kualiti akhir produk. Selain itu, pembangunan industri hiliran seperti penghasilan serbuk koko, mentega koko dan coklat siap memberi nilai tambah yang jauh lebih tinggi berbanding eksport bahan mentah.

Walaupun industri koko berdepan pelbagai cabaran, potensi masa depan industri ini dilihat mampu berkembang dengan sokongan dasar yang menyeluruh dan bersepadu. Pendekatan yang menekankan penggunaan teknologi pertanian moden, pengukuhan institusi sokongan, serta pensijilan lestari boleh meningkatkan daya tahan industri ini dalam jangka panjang. Secara keseluruhan, tanaman koko bukan sahaja relevan sebagai komoditi ekonomi, malah mempunyai nilai strategik dalam pembangunan pertanian mampan, industri berasaskan nilai tambah dan kesejahteraan komuniti luar bandar di Malaysia.



4,147
Pegangan
Pertanian Individu


&

16
Pegangan
Pertanian Pertubuhan

PRESTASI INDUSTRI TANAMAN KOKO

Dapatan Banci Pertanian 2024 merekodkan sejumlah 4,147 pegangan pertanian individu dan 16 pegangan pertanian pertubuhan terlibat dalam industri tanaman koko Malaysia pada tahun 2023. Jumlah keluasan tanah yang digunakan bagi aktiviti tanaman koko pada tahun 2023 adalah seluas 4,901.8 hektar dengan keluasan bertuai 3,496.4 hektar. Pada tahun yang sama, industri koko menghasilkan sejumlah 303.2 ribu tan metrik biji koko dengan nilai jualan RM2.67 juta. Jumlah pendapatan keseluruhan bagi tanaman koko di Malaysia pada tahun 2023 adalah RM16.5 juta dan pendapatan adalah RM 6.9 juta.


Paparan 3: Parameter Utaman Tanaman Koko, Malaysia, 2023





PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Paparan 4: Pegangan Pertanian Individu Tanaman Koko mengikut Jantina dan Kumpulan Umur, Malaysia, 2023




Pegangan pertanian tanaman koko yang direkodkan bagi tahun 2023 adalah 4,163 disumbangkan oleh pegangan pertanian individu seramai 4,147 orang (99.62%), manakala pertubuhan menyumbang 16 (0.32%). Daripada jumlah tersebut, terdapat 11 pegangan pertanian individu mempunyai lebih daripada satu lokasi tanaman yang menjadikan jumlah lokasi tanaman adalah 4,174 lokasi.

Pegangan pertanian mengikut kumpulan umur mencatatkan kumpulan 60 tahun dan ke atas paling ramai dalam kedua-dua jantina iaitu 1,340 orang lelaki dan 298 orang perempuan senario ini

menggambarkan bahawa tanaman koko dipelopori oleh warga emas. Seterusnya, kumpulan umur 46–59 tahun turut menyumbang bilangan yang tinggi bagi lelaki (1,174 orang) dan perempuan (486 orang). Sebaliknya, penyertaan belia (13–30 tahun) adalah sangat rendah bagi tanaman koko dengan lelaki seramai 58 orang dan perempuan seramai 17 orang, ini menunjukkan cabaran besar dalam menarik generasi muda menyertai sektor pertanian.

Paparan 5: Pegangan Pertanian Individu Tanaman Koko mengikut Jantina dan Kumpulan Etnik, Malaysia, 2023



Pegangan pertanian tanaman koko bagi lelaki merupakan kumpulan terbesar dalam sektor pertanian individu, dengan jumlah 3,138 orang, merangkumi 75.7 peratus daripada keseluruhan petani individu. Dari aspek etnik, majoriti pegangan pertanian lelaki adalah Bumiputera, iaitu seramai 3,017 orang (96%). Cina pula mencatatkan seramai 112 orang (4%), manakala India seramai tiga orang dan Lain-Lain dengan enam orang.

Bagi pegangan pertanian tanaman koko perempuan pula, jumlah keseluruhan adalah 1,009 orang, mewakili 24.3 peratus daripada pegangan pertanian individu di Malaysia. Pecahan etnik menunjukkan penyertaan Bumiputera, dengan 975 orang (97%) daripada keseluruhan pegangan

pertanian perempuan. Cina pula mencatatkan 29 orang (3%), manakala India merekodkan empat orang dan Lain-lain dengan seorang.

Secara keseluruhan, tanaman koko di Malaysia diterajui oleh Bumiputera dengan sumbangan sebanyak 96.3 peratus iaitu 3,992 orang. Ini diikuti oleh etnik Cina dengan jumlah pegangan pertanian individu seramai 141 orang. Manakala bagi India dan Lain-lain adalah masing-masing seramai tujuh orang.



Taraf Perkahwinan

Demografi berdasarkan taraf perkahwinan, pegangan pertanian yang berkahwin mencatatkan bilangan tertinggi dengan sumbangan 83.4 peratus atau 3,458 orang. Diikuti oleh pegangan pertanian balu/ duda dengan jumlah 333 orang dan tidak pernah berkahwin seramai 296 orang.


Paparan 6 : Pegangan Pertanian Individu Tanaman Koko mengikut Taraf Perkahwinan, Malaysia, 2023



Sijil Tertinggi Diperoleh

Pegangan pertanian individu yang memiliki pendidikan rendah adalah 2,057 orang (49.6%), diikuti oleh pegangan pertanian individu yang tiada sijil pendidikan iaitu 1,237 orang (29.8%). Manakala seramai 748 orang (18.0%) memiliki pendidikan menengah. Selain itu, 105 orang (2.5%) pula memiliki sijil pendidikan tertiar.

Paparan 7 : Pegangan Pertanian Individu Tanaman Koko mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Malaysia, 2023




Negeri

Dari segi taburan negeri, penanaman koko lebih tertumpu di Malaysia Timur, khususnya di Sabah dan Sarawak. Sabah merekodkan lebih daripada 50 peratus dengan jumlah pegangan pertanian sebanyak 2,220 (53.3%). Hampir semua pegangan pertanian di Sabah diusahakan oleh individu dengan mencatatkan 2,217 orang (99.9%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 0.1 peratus (3 pertubuhan). Seterusnya, Sarawak merekodkan sebanyak 1,141 pegangan pertanian individu dan empat pegangan pertanian pertubuhan. Sarawak menyumbang 27.5 peratus daripada keseluruhan pegangan pertanian tanaman koko Malaysia.

Di Semenanjung Malaysia, bilangan pegangan pertanian individu koko adalah lebih kecil berbanding Sabah dan Sarawak. Perak mencatatkan 385 pegangan pertanian, diikuti Kelantan dengan 130 pegangan pertanian dan Pahang dengan 116 pegangan.

Pegangan pertanian pertubuhan tanaman koko direkodkan di beberapa negeri Semenanjung Malaysia seperti Johor (2), Pahang (3), Perak (2), Selangor (1) dan Terengganu (1).

Paparan 8 : Pegangan Pertanian Tanaman Koko mengikut Negeri, 2023





Daerah Pentadbiran

Ranau, Sabah mencatatkan bilangan pegangan pertanian individu tertinggi dengan seramai 850 orang, diikuti Keningau, Sabah dengan 217 orang pegangan pertanian individu dan Simunjan, Sarawak dengan 213 orang pegangan pertanian individu. Ketiga-tiga daerah ini menyumbang 30.7 peratus. Bagi pegangan pertanian pertubuhan, Tawau, Sabah dan Temerloh, Pahang masing-masing merekodkan dua pertubuhan. Seterusnya, Segamat dan Kulai, Johor; Bera, Pahang; Hilir Perak dan Manjung, Perak; Petaling, Selangor; Besut, Terengganu; Kunak, Sabah; Lundu, Serian, Lubok Antu dan Pakan, Sarawak masing-masing mencatatkan satu pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 9: 10 Daerah Pentadbiran Teratas mengikut Pegangan Pertanian Tanaman Koko, Malaysia, 2023

Pegangan Pertanian


Daerah	Bilangan
1. Ranau	850
2. Keningau	217
3. Simunjan	213
4. Kuala Kangsar	187
5. Tambunan	173
6. Tenom	172
7. Kota Belud	168
8. Sebuyau	135
9. Kuching	127
10. Tuaran	118

Individu

Daerah	Bilangan
1. Ranau	850
2. Keningau	217
3. Simunjan	213
4. Kuala Kangsar	187
5. Tambunan	173
6. Tenom	172
7. Kota Belud	168
8. Sebuyau	135
9. Kuching	127
10. Tuaran	118

Pertubuhan

Daerah	Bilangan
1. Tawau	2
2. Temerloh	2
3. Kulai	1
4. Segamat	1
5. Bera	1
6. Manjung	1
7. Hilir Perak	1
8. Kunak	1
9. Lundu	1
10. Serian	1




Keluasan Bertanam

Malaysia

Keluasan bertanam koko di Malaysia adalah seluas 4,901.8 hektar. Sebanyak 81.4 peratus (3,988.6 hektar) daripada jumlah keluasan bertanam adalah disumbangkan oleh pegangan pertanian individu. Dapatan ini adalah selari dengan konsep penanaman koko di Malaysia sebagai tanaman sampingan, yang mana tanaman ini ditanam secara integrasi dengan tanaman lain terutamanya dengan tanaman getah dan tanaman kelapa sawit. Manakala, pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 18.6 peratus iaitu 913.2 hektar kepada jumlah keluasan bertanam bagi tanaman koko.

Paparan 10 : Keluasan Bertanam Tanaman Koko, Malaysia, 2023



Negeri

Selari dengan bilangan pegangan pertanian, Sabah menyumbang keluasan bertanam tertinggi sebanyak 56.0 peratus dengan jumlah keluasan 2,765.7 hektar. Jumlah keluasan bertanam Sabah didominasi oleh pegangan pertanian

individu seluas 2,576.2 hektar (52.6%), diikuti oleh Sarawak 19.5 peratus (987.5 hektar) dan Pahang dengan keluasan 579.9 hektar (11.8%). Sebahagian besar kawasan bertanam Pahang disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan iaitu sebanyak 476.7 hektar (82.2%).

Paparan 11 : Keluasan Bertanam (hektar) mengikut Negeri, 2023



Hektar Individu Pertubuhan Sumbangan



Daerah Pentadbiran

Ranau, Sabah kekal sebagai penyumbang utama kepada aktiviti tanaman koko Malaysia, di mana keluasan bertanam yang dicatatkan pada tahun 2023 adalah 994.3 hektar dengan sumbangan 20.3 peratus. Keseluruhan keluasan ini disumbangkan oleh pegangan pertanian individu. Manakala, keluasan bertanam di Temerloh, Pahang disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan dengan jumlah keluasan 398.6 hektar (8.1%). Ini diikuti oleh Keningau, Sabah dengan keluasan bertanam seluas 266.9 hektar dan menyumbang 5.4 peratus kepada keluasan bertanam tanaman koko.



Paparan 12: Keluasan Bertanam Tanaman Koko mengikut 10 Daerah Pentadbiran Teratas, Malaysia, 2023

Keluasan Bertanam	
1. Ranau	994.3 (20.3%)
2. Temerloh	398.6 (8.1%)
3. Keningau	266.9 (5.4%)
4. Hilir Perak	210.0 (4.3%)
5. Tambunan	198.1 (4.0%)
6. Kota Belud	185.7 (3.8%)
7. Tenom	177.7 (3.6%)
8. Tawau	171.8 (3.5%)
9. Simunjan	169.3 (3.5%)
10. Tuaran	141.7 (2.9%)

Individu	
1. Ranau	994.3 (24.9%)
2. Keningau	266.9 (6.7%)
3. Tambunan	198.1 (5.0%)
4. Kota Belud	185.7 (4.7%)
5. Tenom	177.7 (4.5%)
6. Simunjan	169.4 (4.2%)
7. Tuaran	141.7 (3.6%)
8. Sebuyau	137.9 (3.5%)
9. Nabawan	124.4 (3.1%)
10. Kudat	119.7 (3.0%)

Pertubuhan	
1. Temerloh	398.6 (43.6%)
2. Hilir Perak	198.6 (21.7%)
3. Kunak	135.8 (14.9%)
4. Bera	78.0 (8.5%)
5. Tawau	53.6 (5.9%)
6. Maradong	16.7 (1.8%)
7. Lundu	11.7 (1.3%)
8. Segamat	9.7 (1.1%)
9. Kulai	4.0 (0.4%)
10. Manjung	3.6 (0.4%)


Hektar

Keluasan Bertuai

Malaysia

Pokok koko akan mencapai tahap matang dan boleh dituai dalam tempoh tiga hingga empat tahun. Keluasan bertuai yang direkodkan adalah sebanyak 3,496.4 hektar iaitu 71.3 peratus daripada keluasan bertanam yang menunjukkan sebahagian besar kawasan penanaman koko telah mencapai tahap matang pada tahun 2023. Pegangan pertanian individu menyumbang tertinggi kepada keseluruhan keluasan bertuai iaitu 2,774.2 hektar (79.3%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 722.3 hektar (20.7%). Walau bagaimanapun, pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan kadar keluasan bertuai berbanding keluasan bertanam tertinggi iaitu 79.1 peratus berbanding 69.6 peratus yang direkodkan oleh pegangan pertanian individu.

Paparan 13 : Keluasan Bertuai Tanaman Koko Malaysia, 2023



Negeri

Keluasan bertuai tanaman merujuk kepada jumlah kawasan yang berhasil dituai setelah tanaman ditanam. Keluasan bertuai tanaman koko dipengaruhi oleh beberapa faktor utama, antaranya keadaan cuaca, serangan perosak dan penyakit, kualiti tanah dan pengurusan ladang, masalah kekurangan tenaga buruh atau mesin dan kerosakan fizikal atau bencana alam. Lebih daripada separuh daripada keseluruhan keluasan bertuai disumbangkan oleh Sabah iaitu 55.9 peratus (1,953.4 hektar), diikuti oleh Sarawak 19.5 peratus (681.3 hektar), Pahang dengan sumbangan 11.2 peratus (390.6 hektar) dan Perak menyumbang 9.9 peratus (344.4 hektar).

Paparan 14 : Keluasan Bertuai Tanaman Koko mengikut Negeri, Malaysia, 2023





Daerah Pentadbiran

Selari dengan jumlah keluasan bertanam koko di peringkat daerah pentadbiran, Ranau, Sabah merupakan penyumbang tertinggi kepada keseluruhan keluasan bertuai iaitu 705.3 hektar. Seterusnya, Temerloh, Pahang dengan keluasan bertuai 224.6 hektar dan Hilir Perak, Perak berjumlah 209.6 hektar. Keluasan bertuai Ranau, Sabah disumbangkan oleh pegangan pertanian individu manakala bagi Temerloh dan Hilir Perak oleh pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 15 : Keluasan Bertuai Tanaman Koko bagi 10 Daerah Pentadbiran Teratas Tanaman Koko, 2023

Keluasan Bertuai			Individu			Pertubuhan		
1.	Ranau	705.3 (20.2%)	1.	Ranau	705.3 (25.4%)	1.	Temerloh	224.6 (31.1%)
2.	Temerloh	224.6 (6.4%)	2.	Keningau	167.8 (6.1%)	2.	Hilir Perak	198.6 (27.5%)
3.	Hilir Perak	209.6 (6.0%)	3.	Tambunan	138.2 (5.0%)	3.	Kunak	135.8 (18.8%)
4.	Keningau	167.8 (4.8%)	4.	Kota Belud	134.7 (4.9%)	4.	Bera	78.0 (10.8%)
5.	Tambunan	138.2 (4.0%)	5.	Tenom	126.0 (4.5%)	5.	Tawau	53.6 (7.4%)
6.	Kunak	135.8 (3.9%)	6.	Tuaran	102.2 (3.7%)	6.	Lundu	11.7 (1.6%)
7.	Kota Belud	134.7 (3.9%)	7.	Sebuyau	96.3 (3.5%)	7.	Segamat	5.8 (0.8%)
8.	Tenom	126.0 (3.6%)	8.	Kuching	93.2 (3.4%)	8.	Kulai	4.0 (0.6%)
9.	Tuaran	102.2 (2.9%)	9.	Nabawan	90.1 (3.3%)	9.	Maradong	4.0 (0.6%)
10.	Sebuyau	96.3 (2.8%)	10.	Tebedu	84.7 (3.1%)	10.	Manjung	3.6 (0.5%)


Hektar

Kuantiti Pengeluaran

Malaysia

Kuantiti pengeluaran dan nilai jualan koko dipengaruhi oleh faktor harga biji koko semasa, di mana harga koko semasa bagi tahun 2023 adalah rendah berbanding tahun-tahun sebelumnya. Selain itu, tanaman atau hasil koko ini boleh dituai pada bila-bila masa dan bersifat tahan lama, maka sebahagian hasil tuaian boleh disimpan stok dan dijual pada masa harga yang lebih tinggi. Industri tanaman koko merekodkan kuantiti pengeluaran biji koko sebanyak 303.2 tan metrik pada tahun 2023. Pegangan pertanian individu mendominasi pengeluaran koko negara dengan sumbangan sebanyak 51.8 peratus berjumlah 157.0 tan metrik. Manakala pegangan pertanian pertubuhan menghasilkan 146.1 tan metrik koko dengan sumbangan 48.2 peratus.

Paparan 16 : Kuantiti Pengeluaran Tanaman Koko, Malaysia, 2023




Negeri

Sabah kekal sebagai penyumbang utama kepada keluaran koko negara merekodkan jumlah pengeluaran 168.4 tan metrik (55.5%), diikuti Sarawak 14.7 peratus dengan kuantiti pengeluaran koko 44.5 tan metrik.

Pahang menjadi negeri pengeluar utama di Semenanjung Malaysia dengan jumlah pengeluaran 31.5 tan metrik (10.4%). Secara kolektif, ketiga-tiga negeri ini menyumbang 80.6 peratus daripada jumlah keseluruhan pengeluaran koko, dengan jumlah sebanyak 244.4 tan metrik.

Paparan 17 : Kuantiti Pengeluaran mengikut Negeri, Malaysia, 2023



tan metrik
Individu
Pertubuhan
Sumbangan



Daerah Pentadbiran

Tawau, Sabah merekodkan kuantiti pengeluaran koko tertinggi pada tahun 2023 berjumlah 67.0 tan metrik dengan sumbangan 22.1 peratus kepada keseluruhan keluaran koko negara, disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan. Manakala, Ranau, Sabah mencatatkan kuantiti pengeluaran sebanyak 44.3 tan metrik dengan peratus sumbangan 14.6 peratus. Ini diikuti oleh Lundu, Sarawak dengan sumbangan 7.6 peratus iaitu 23.2 tan metrik pada tahun 2023. Ketiga-tiga daerah ini telah menyumbang 44.3 peratus (134.5 tan metrik) kepada keluaran koko negara.



Paparan 18: Kuantiti Pengeluaran Tanaman Koko mengikut Pegangan Pertanian dan 10 Daerah Pentadbiran Teratas, Malaysia, 2023

Kuantiti Pengeluaran		Individu		Pertubuhan	
1.	Tawau	67.0 (22.1%)	1.	Ranau	44.3 (28.2%)
2.	Ranau	44.3 (14.6%)	2.	Kuala Kangsar	11.4 (7.3%)
3.	Lundu	23.2 (7.6%)	3.	Keningau	8.0 (5.1%)
4.	Bera	16.2 (5.3%)	4.	Sebuyau	7.5 (4.8%)
5.	Segamat	15.1 (5.2%)	5.	Tambunan	6.9 (4.4%)
6.	Kuala Kangsar	11.4 (3.8%)	6.	Tenom	6.0 (3.8%)
7.	Temerloh	10.1 (3.3%)	7.	Nabawan	5.6 (3.6%)
8.	Keningau	8.0 (2.7%)	8.	Kota Belud	5.5 (3.5%)
9.	Sebuyau	7.5 (2.5%)	9.	Kinta	5.1 (3.2%)
10.	Tambunan	6.9 (2.3%)	10.	Tuaran	4.7 (3.0%)
1.	Tawau	65.5 (44.9%)	2.	Lundu	23.0 (15.8%)
3.	Bera	15.8 (10.8%)	4.	Segamat	15.1 (10.4%)
5.	Temerloh	10.1 (6.9%)	6.	Kunak	6.5 (4.9%)
7.	Manjung	5.4 (3.7%)	8.	Kulai	2.3 (1.5%)
9.	Hilir Perak	1.8 (1.2%)	10.	Lubok Antu	0.1 (0.08%)


Hektar

Kuantiti Jualan dan Nilai Jualan

Malaysia

Pada tahun 2023, industri tanaman koko Malaysia merekodkan kuantiti jualan biji koko sebanyak 269.2 tan metrik dengan menjana nilai jualan RM2.67 juta. Pegangan pertanian pertubuhan merupakan penyumbang utama kepada kuantiti jualan dengan 142.0 tan metrik (53.0%) dan mencatatkan nilai jualan RM1.41 juta (52.7%). Manakala pegangan pertanian individu menyumbang RM1.26 juta (47.3%) dengan kuantiti jualan berjumlah 127.2 tan metrik (47.0%), dimana ia merupakan pendapatan sampingan bagi pegangan pertanian individu disebabkan oleh sifat kebergantungan yang rendah untuk pendapatan daripada tanaman koko selain daripada faktor harga pasaran.

Paparan 19: Kuantiti Jualan dan Nilai Jualan Tanaman Koko, Malaysia, 2023



Jumlah Pengeluaran keseluruhan mencapai **269.2** tan metrik dengan nilai **RM2.67 juta**, disokong oleh sumbangan seimbang antara individu dan pertubuhan menunjukkan struktur sektor yang stabil dan berdaya saing.




Negeri

Sabah merupakan penyumbang utama bagi kuantiti jualan dan nilai jualan iaitu masing-masing 54.0 peratus (145.4 tan metrik) dan 54.2 peratus (RM1.44 juta). Ini diikuti oleh Sarawak dengan kuantiti jualan 39.0 tan metrik (14.1%) dan nilai jualan RM367.7 ribu (13.8%). Seterusnya, Pahang menyumbang 11.7 peratus (31.5 tan metrik) kepada kuantiti jualan dan nilai jualan berjumlah RM316.8 ribu (11.9%). Ketiga-tiga negeri ini menyumbang 80.1 peratus kepada kuantiti jualan dan 79.8 peratus kepada keseluruhan nilai jualan koko pada tahun 2023.



Paparan 20: Kuantiti dan Nilai Jualan mengikut Negeri, Malaysia, 2023



Daerah Pentadbiran

Tawau, Sabah direkodkan sebagai daerah pentadbiran utama yang menyumbang kepada industri tanaman koko di Malaysia pada tahun 2023. Kuantiti jualan koko negara merekodkan 23.8 peratus (64.2 tan metrik) disumbangkan oleh Tawau dengan nilai jualan RM638.1 ribu (23.9%). Manakala, Ranau, Sabah menyumbang 34.8 tan metrik (12.9%) kepada kuantiti jualan koko dengan nilai jualan berjumlah RM345.8 ribu (13.0%).

Diikuti oleh Lundu, Sarawak yang mencatatkan kuantiti jualan sebanyak 23.8 tan metrik (8.8%) dan nilai jualan RM224.5 ribu (8.4%). Sebahagian besar jualan koko di Lundu, Sarawak disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan dengan mencatatkan RM217.29 ribu (97.3%).

Paparan 21: Kuantiti Jualan Tanaman Koko mengikut Pegangan Pertanian dan 10 Daerah Pentadbiran Teratas, Malaysia, 2023

Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
1. Tawau 64.2	1. Ranau 34.8	1. Tawau 63.0
2. Ranau 34.8	2. Kuala Kangsar 11.2	2. Lundu 23.0
3. Lundu 23.8	3. Keningau 6.9	3. Bera 15.8
4. Bera 16.2	4. Tambunan 5.8	4. Segamat 15.1
5. Segamat 15.1	5. Tenom 5.1	5. Temerloh 10.1
6. Kuala Kangsar 11.2	6. Lipis 4.7	6. Kunak 6.5
7. Temerloh 10.1	7. Kinta 4.5	7. Manjung 5.1
8. Keningau 6.9	8. Kota Belud 4.4	8. Hilir Perak 1.8
9. Kunak 6.5	9. Nabawan 4.2	9. Kulai 1.0
10. Tambunan 5.8	10. Tuaran 3.5	10. Lubok Antu 0.4

Tan metrik

Paparan 22: Nilai Jualan Tanaman Koko mengikut Pegangan Pertanian dan 10 Daerah Pentadbiran Teratas, Malaysia, 2023

Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
1. Tawau 638.1	1. Ranau 345.8	1. Tawau 626.6
2. Ranau 345.8	2. Kuala Kangsar 112.9	2. Lundu 217.3
3. Lundu 224.5	3. Keningau 68.4	3. Bera 159.1
4. Bera 162.8	4. Tambunan 57.2	4. Segamat 152.3
5. Segamat 152.3	5. Tenom 50.6	5. Temerloh 101.7
6. Kuala Kangsar 112.9	6. Lipis 46.9	6. Kunak 64.5
7. Temerloh 101.7	7. Kinta 45.3	7. Manjung 51.7
8. Keningau 68.4	8. Kota Belud 43.8	8. Hilir Perak 17.7
9. Kunak 64.5	9. Nabawan 41.9	9. Kulai 10.1
10. Manjung 57.9	10. Tuaran 35.0	10. Lubok Antu 4.0

RM '000)



PENDAPATAN

Jumlah pendapatan keseluruhan Malaysia pada tahun 2023 merekodkan RM16.5 juta. Daripada jumlah tersebut, pendapatan pegangan pertanian individu menyumbang RM12.8 juta (77.96%), manakala pegangan pertanian pertubuhan dengan RM3.6 juta (22.04%). Ini menunjukkan bahawa struktur ekonomi di peringkat isi rumah merupakan penyumbang utama jumlah pendapatan tanaman koko, sementara pertubuhan memberi sumbangan kecil tetapi signifikan di negeri-negeri tertentu. Purata pendapatan tahunan bagi pegangan pertanian individu adalah RM3,094.00 manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan adalah RM727,323.00. Walaupun purata pendapatan pegangan pertanian pertubuhan jauh lebih tinggi jumlah sumbangannya adalah kecil kerana bilangan pertubuhan yang terhad.

Paparan 23: Pendapatan Tanaman Koko mengikut Pegangan Pertanian, Malaysia 2023



17.7%

daripada keseluruhan pendapatan dijana melalui **hasil jualan tanaman koko**

Negeri

Sabah merupakan penyumbang terbesar dengan pendapatan mencecah RM6.90 juta atau 53.8 peratus, diikuti oleh Sarawak yang menyumbang RM3.46 juta (26.9%). Kedua-dua negeri ini menyumbang lebih daripada 80 peratus keseluruhan pendapatan koko negara. Perak merekodkan dengan RM1.16 juta (9.0%), diikuti oleh Kelantan (RM0.4 juta), Pahang (RM0.3 juta), Johor (RM0.1 juta) dan Kedah (RM0.1 juta).

Beberapa negeri seperti Pulau Pinang, Melaka dan Terengganu pula menunjukkan pendapatan daripada tanaman koko yang rendah masing-masing menyumbang RM0.001 juta, RM0.02 juta dan RM0.19 juta.

Paparan 24: Pendapatan Tanaman Koko mengikut Negeri, Malaysia, 2023

Peratus	Purata Bulanan (RM)	Individu (RM) juta		Pertubuhan (RM) juta	Purata Bulanan (RM) juta	Peratus
1.3	3,375.7	0.17	Johor	0.48	0.24	13.3
0.7	3,205.9	0.09	Kedah	-	-	-
4.0	3,325.9	0.43	Kelantan	-	-	-
0.1	2,713.2	0.02	Melaka	-	-	-
0.4	3,69.7	0.05	Negeri Sembilan	-	-	-
2.3	2,941.8	0.34	Pahang	1.44	0.48	39.6
0.0	628.0	0.001	Pulau Pinang	-	-	-
9.0	2,940.2	1.16	Perak	0.07	0.03	1.9
0.2	1,171.4	0.01	Perlis	-	-	-
1.5	4,178.0	0.03	Selangor	0.07	0.07	2.1
0.1	1,662.4	0.19	Terengganu	0.06	0.06	1.8
53.8	3,101.7	6.90	Sabah	0.69	0.23	19.0
26.9	3,025.9	3.46	Sarawak	0.81	0.20	22.3




Daerah Pentadbiran

Secara keseluruhan, Ranau, Sabah merekodkan pendapatan tertinggi berjumlah RM2.55 juta (19.9%) disumbangkan oleh pegangan pertanian individu dengan purata pendapatan individu RM2,991.00. Ini diikuti oleh Keningau, Sabah dengan pendapatan RM695.7 ribu, daerah pentadbiran ini mencatatkan purata pendapatan individu tahunan tertinggi iaitu RM3,179.00. Seterusnya, daerah pentadbiran Simunjan, Sarawak mencatatkan pendapatan RM674.0 ribu, dengan purata pendapatan individu tahunan RM3,164.00. Bagi pegangan pertanian pertubuhan, daerah Bera, Pahang mencatatkan pendapatan sebanyak RM735.1 ribu, diikuti oleh Tawau, Sabah dengan mencatatkan pendapatan RM626.6 ribu. Seterusnya, Temerloh, Pahang dengan pendapatan daripada tanaman koko sebanyak RM600.00 ribu.



Paparan 25: Pendapatan mengikut Tiga Daerah Pentadbiran Teratas, Malaysia 2023



PERBELANJAAN

Jumlah keseluruhan perbelanjaan bagi tanaman koko yang dicatatkan pada tahun 2023 adalah RM6.88 juta. Pegangan pertanian individu menyumbang RM 4.90 juta (71.2%) manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM1.98 juta (28.8%).

Purata perbelanjaan tahunan bagi pegangan pertanian individu adalah RM1,184, jauh lebih rendah berbanding pertubuhan yang mencatatkan purata perbelanjaan tahunan RM123,955.

Paparan 26: Perbelanjaan Tanaman Koko mengikut Pegangan Pertanian, Malaysia, 2023



Kos bahan langsung tanaman koko menyumbang sebanyak 59.9% daripada keseluruhan perbelanjaan.





Negeri

Negeri Sabah mencatatkan perbelanjaan tertinggi iaitu RM3,036.02 ribu dengan sumbangan 44.1 peratus. Pegangan pertanian individu menyumbang 84.2 peratus (RM2,557.76 ribu) kepada keseluruhan perbelanjaan dengan purata perbelanjaan tahunan individu RM1,150.00. Seterusnya, Sarawak merekodkan perbelanjaan tanaman koko berjumlah RM1,539.19 ribu, di mana pegangan pertanian individu menyumbang 90.4 peratus (RM1,390.95 ribu) dan perbelanjaan yang dicatatkan oleh pertubuhan

adalah RM148.23 ribu. Negeri Selangor mencatat purata perbelanjaan tahunan tertinggi iaitu RM1,745.00.


Perbelanjaan yang tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan direkodkan oleh Pahang iaitu RM949.0 ribu, menyumbang 89.5 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan tanaman koko

Paparan 27: Perbelanjaan Tanaman Koko mengikut Negeri, Malaysia, 2023

Peratus	Purata Bulanan (RM)	Individu (RM) juta		Pertubuhan (RM) juta	Purata Bulanan (RM) juta	Peratus
1.3	1,272.0	0.06	Johor	0.29	145,090.0	14.6
0.7	1,190.8	0.03	Kedah	-	-	-
4.0	1,520.6	0.20	Kelantan	-	-	-
0.1	1,146.0	0.01	Melaka	-	-	-
0.4	1,436.3	0.02	Negeri Sembilan	-	-	-
2.3	955.5	0.11	Pahang	0.95	316,319.0	47.8
0.0	209.0	0.00	Pulau Pinang	-	-	-
8.7	1,103.7	0.42	Perak	0.02	8,108.0	0.8
0.2	1,171.4	0.01	Perlis	-	-	-
1.6	1,745.5	0.08	Selangor	0.06	57,500.0	2.9
0.1	674.4	0.00	Terengganu	0.04	43,940.0	2.2
52.2	1,149.6	2.56	Sabah	0.48	159,421.3	24.1
28.4	1,218.0	1.39	Sarawak	0.15	37,058.5	7.5

Daerah Pentadbiran

**Paparan 28: Perbelanjaan Tiga Daerah Pentadbiran
Teratas mengikut Pegangan Pertanian, Malaysia, 2023**



Ranau, Sabah mencatatkan perbelanjaan tanaman koko tertinggi bagi pegangan pertanian individu iaitu RM934.6 ribu. Purata perbelanjaan tahunan pegangan pertanian individu yang direkodkan adalah RM1,095.00. Ini diikuti oleh Keningau, Sabah dengan perbelanjaan berjumlah RM261.4 ribu. Manakala Simunjan, Sarawak merekodkan perbelanjaan tanaman koko sebanyak RM261.1 ribu. Ketiga-tiga daerah ini menyumbang 52.2 peratus kepada keseluruhan jumlah perbelanjaan pegangan pertanian individu.

Bagi pegangan pertanian pertubuhan, Bera, Pahang merekodkan perbelanjaan tertinggi iaitu RM509.8 ribu dengan sumbangan 25.7 peratus daripada jumlah perbelanjaan. Seterusnya, Tawau, Sabah mencatatkan perbelanjaan berjumlah RM436.7 ribu iaitu 22.0 peratus. Manakala Temerloh, Pahang mencatatkan perbelanjaan RM400.5 ribu. Secara keseluruhan, ketiga-tiga daerah ini menyumbang 67.9 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan tanaman koko.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



RENCANA

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

INDUSTRI TANAMAN KOKO DI MALAYSIA

Sharuddin Shafie¹, Fariza Kambut², Syafawati Abdul Refai¹, Faiza Rusrianti Tajul Arus³, Mohamad Hasrolsafwan Abu Hassan², Muhamad Hakim Mohd Zaidi²

¹Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan, ²Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar, ³Pusat Analitik Data Raya Negara, Jabatan Perangkaan Malaysia

PENGENALAN

Industri koko merupakan salah satu komponen penting dalam sektor pertanian Malaysia, terutamanya dalam konteks ekonomi luar bandar dan eksport berasaskan pertanian. Walaupun keluasan dan pengeluaran koko negara menunjukkan trend menurun dalam beberapa dekad kebelakangan ini, industri koko tetap signifikan dalam menyediakan peluang ekonomi serta menyumbang kepada pembangunan sektor hiliran. Tanaman koko (*Theobroma cacao* L.) pertama kali diperkenalkan di Malaysia oleh pihak Belanda pada tahun 1778 di Melaka (Wood dan Lass, 1985). Namun, penanaman koko secara serius hanya bermula pada awal abad ke-20 apabila Jabatan Pertanian memulakan beberapa plot percubaan koko pada tahun 1937, termasuk di Serdang, Cheras serta di Kuala Lipis dan Temerloh, Pahang. Usaha ini menjadi asas penting kepada perkembangan penanaman koko secara lebih sistematik di negara ini. Penubuhan ladang koko komersial pertama di Jerangau, Terengganu pada tahun 1950 dengan keluasan 50 hektar menjadi titik tolak kepada pembangunan industri koko secara lebih tersusun.


INDUSTRI TANAMAN KOKO MALAYSIA

Pengeluaran Koko di Malaysia

Pada dekad 1980-an, Malaysia mencapai kemuncak dalam industri koko dan menjadi salah satu daripada lima pengeluar utama koko di dunia. Walau bagaimanapun, perubahan dalam dasar pertanian negara dan persaingan dengan tanaman komoditi lain seperti kelapa sawit menyebabkan penurunan keluasan dan pengeluaran koko secara berperingkat. Penanaman koko pada waktu itu berkembang ke pelbagai negeri, dengan Sabah dan Sarawak menjadi pusat utama penanaman. Tempoh antara tahun 1980-an hingga awal 1990-an dikenali sebagai era kegemilangan industri koko negara. Pada tahun 1989, keluasan penanaman koko mencatatkan 414,236 hektar, manakala pada tahun berikutnya, pengeluaran koko mencapai puncaknya dengan jumlah sebanyak 247,000 tan metrik. Pada ketika itu, Malaysia memainkan peranan penting dalam pasaran koko global sebagai salah satu pengeluar utama dunia. Walau bagaimanapun, pengeluaran biji koko menunjukkan tren menurun bermula tahun 1990 dan mencatatkan peratus penurunan tertinggi sebanyak negatif 70.6 peratus pada tahun 2011 kepada 4,605 tan metrik berbanding 15,564 tan metrik pada tahun 2010.



Carta 1: Siri Masa Keluasan Tanah dan Pengeluaran Koko Malaysia, 1980 - 2023



Sumber: Lembaga Koko Malaysia


Harga Biji Koko

Industri koko di Malaysia telah menyaksikan perubahan ketara sepanjang lebih tiga dekad lalu, khususnya dari segi harga purata biji koko kering dan jumlah pengeluaran tahunan. Berdasarkan data siri masa yang diterbitkan oleh Lembaga Koko Malaysia (LKM), dapat dilihat satu pola yang jelas mencerminkan cabaran struktur yang membelenggu industri ini. Pada awal 1990-an, pengeluaran koko Malaysia mencatatkan paras yang tinggi, melebihi 200,000 tan metrik setahun, meskipun harga purata ketika itu berada dalam lingkungan RM2,000 hingga RM3,000 per tan metrik. Namun, selepas tahun 1994, trend pengeluaran menunjukkan penurunan berterusan walaupun harga terus meningkat. Menjelang 2010, harga koko melonjak kepada RM8,078 per tan, tetapi jumlah pengeluaran merosot kepada hanya 15,654 tan. Penurunan ini semakin ketara apabila pada tahun 2023, pengeluaran koko jatuh ke paras terendah iaitu 303 tan, meskipun harga telah mencecah RM9,613 per tan.



Keadaan ini menunjukkan bahawa kenaikan harga tidak semestinya mendorong pertambahan pengeluaran koko di Malaysia. Data dari 1991 hingga 2024 jelas menunjukkan ketidakseimbangan antara harga pasaran dan jumlah pengeluaran. Ini menandakan bahawa faktor lain yang lebih kompleks turut mempengaruhi penurunan pengeluaran koko secara signifikan. Antara faktor utama yang dikenal pasti ialah persaingan dengan tanaman komoditi lain seperti pertumbuhan pesat sektor kelapa sawit dan getah yang menawarkan hasil lebih tinggi serta permintaan global yang kukuh (Tan et al., 2023), mengakibatkan pengurangan kawasan yang diperuntukkan untuk penanaman koko. Kelapa sawit terus menjadi pilihan pengusaha kerana tanaman ini lebih memberi jaminan pendapatan kepada pengusaha. Selain itu, industri koko turut terjejas akibat serangan penyakit seperti *vascular streak dieback*, serta kurangnya pelaburan dalam aspek teknologi dan penyelidikan.

Carta 2: Siri Masa Pengeluaran dan Harga Biji Koko Malaysia, 1980 - 2023



Sumber: Lembaga Koko Malaysia

Meskipun industri tanaman koko di Malaysia menghadapi pelbagai cabaran yang menjejaskan daya saingnya. Kerajaan melalui LKM telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk mengembangkan dan meningkatkan industri ini. Antara usaha utama yang dijalankan termasuk pembangunan kluster koko, Skim Bantuan Tanaman Semula dan pemerksaan koperasi koko bagi menyokong pekebun kecil dan pengusaha koko, galakan terhadap industri hiliran seperti pembuatan coklat tempatan, penekanan kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk meningkatkan produktiviti serta ketahanan tanaman terhadap penyakit.




Prestasi Eksport Koko Malaysia

Industri koko di Malaysia merupakan salah satu industri berorientasikan eksport, khususnya dalam sektor hiliran yang meliputi pes koko, lemak koko, serbuk koko dan coklat. Walaupun pengeluaran biji koko tempatan terus merosot sejak awal 1990-an, eksport produk berasaskan koko mencatat pertumbuhan kukuh dan kekal menyumbang kepada ekonomi negara. Pada tahun 1992, nilai eksport biji koko yang dicatatkan adalah RM315.1 juta, namun mula menurun sejajar dengan penurunan pengeluaran dalam negara. Pada tahun 2000, nilai eksport biji koko merekodkan paras terendah iaitu RM34.3 juta, namun eksport biji koko kembali kukuh pada tahun 2001 dengan nilai RM58.7 juta berikutan peningkatan harga koko di pasaran antarabangsa.

Namun begitu, produk hiliran terus menunjukkan prestasi memberangsangkan. Pada tahun 2023, eksport produk koko merangkumi lemak koko, serbuk koko dan coklat mencecah RM7.0 bilion. Peningkatan ini mencerminkan peralihan strategi industri koko Malaysia ke arah pemprosesan dan pengeluaran produk nilai tambah, disokong oleh import biji koko mentah serta kemudahan pemprosesan moden. Perkembangan sektor hiliran membolehkan Malaysia mengekalkan kedudukan sebagai pemain utama dalam rantai nilai koko global, walaupun berdepan cabaran di peringkat pengeluaran ladang.

Carta 3: Siri Masa Pengeluaran Eksport Koko Malaysia, 1992 - 2023



Sumber: Lembaga Koko Malaysia



Kini Malaysia berada di tempat kelima dalam kedudukan global bagi sektor pemprosesan koko dan pengeluaran produk berasaskan koko dengan jumlah pengisaran biji koko sebanyak 370.2 metrik tan pada tahun 2023. Industri koko di Malaysia telah menyumbang sebanyak RM8.2 bilion dalam perdagangan eksport koko yang merangkumi biji dan kulit koko (RM1.2 bilion) serta produk separa siap seperti lemak koko (RM2.7 bilion), serbuk koko (RM2.0 bilion) dan coklat (RM1.7 bilion). Produk koko keluaran Malaysia juga telah dieksport ke 205 negara dengan lima destinasi eksport utama iaitu Singapura (19.6%), Amerika Syarikat (11.6%), Jepun (9.1%), China (8.3%) dan Indonesia (6.7%).

Paparan 14: Destinasi Eksport Utama Produk Koko, 2023



Sumber: Lembaga Koko Malaysia

Prestasi Semasa Penanaman Koko

Kini, penanaman koko tertumpu di beberapa kawasan utama seperti Sabah, Sarawak dan sebahagian negeri di Semenanjung Malaysia seperti Pahang dan Johor. Statistik semasa menunjukkan penurunan keluasan bertanam koko berbanding zaman kemuncaknya dahulu, namun usaha pemulihan sedang giat dijalankan. Malaysia lebih menumpukan kepada penghasilan variasi koko berkualiti seperti klon MCBC dan KKM yang lebih tahan penyakit dan memberi hasil yang tinggi. Walaupun pengeluaran biji koko tempatan menurun, permintaan terhadap produk berasaskan koko terus meningkat, membuka ruang kepada sektor hiliran berkembang.

Sabah merupakan negeri pengeluar koko terbesar di Malaysia, menyumbang sebanyak 57.7 peratus daripada keseluruhan pengeluaran koko negara pada tahun 2023. Selain itu, negeri ini telah menyumbang lebih daripada separuh keluasan tanah bertanam koko di Malaysia. Antara faktor yang menjadikan Sabah sebagai negeri utama dalam penanaman koko adalah keadaan iklim tropika dan tahap kesuburan tanah yang sangat sesuai untuk pertumbuhan tanaman koko dan daerah Ranau menjadi lokasi tumpuan utama penanaman koko. Berdasarkan dapatan Banci Pertanian 2024, secara keseluruhan, purata keluasan tanaman koko bagi setiap pengusaha adalah 0.96 hektar dengan purata pengeluaran sebanyak 0.04 tan metrik per pengusaha. Produktiviti pada tahun 2023 juga berada pada tahap yang rendah iaitu pada kadar 0.04 tan metrik sehektar. Keadaan ini mungkin berpunca daripada faktor seperti umur pokok, teknik pengurusan ladang yang kurang efisien atau cabaran berkaitan serangan perosak dan penyakit.

CABARAN DAN PELUANG

Industri koko di Malaysia kini berhadapan dengan pelbagai cabaran struktur dan luaran yang menjejaskan daya saingnya di peringkat global. Antara cabaran utama ialah perubahan iklim yang tidak menentu, yang menjejaskan kitaran hasil dan kesuburan tanah, serta menyebabkan peningkatan risiko terhadap serangan penyakit dan perosak. Kekurangan tenaga kerja mahir dalam sektor pertanian, khususnya dalam kalangan generasi muda, turut memberi kesan kepada keupayaan ladang untuk beroperasi secara cekap. Di samping itu, peningkatan kos input pertanian dan ketidakpastian harga koko di pasaran antarabangsa menambah beban kepada pengusaha kecil. Persaingan sengit daripada negara-negara pengeluar utama seperti Côte d'Ivoire, Ghana dan Indonesia juga memberi tekanan kepada pengeluar koko tempatan yang mempunyai skala operasi lebih kecil dan kurang kelebihan ekonomi berskala besar.

Namun begitu, industri koko Malaysia masih mempunyai potensi untuk berkembang sekiranya peluang-peluang strategik dapat dimanfaatkan secara optimum. Permintaan terhadap produk koko organik, bersijil halal dan berkualiti tinggi semakin meningkat di pasaran global. Selain itu, penekanan terhadap pembangunan sektor hiliran koko seperti pengeluaran makanan dan minuman kesihatan, produk kosmetik berasaskan koko, serta coklat buatan tangan terutamanya dalam memenuhi keperluan pengusaha coklat khusus seperti Bean-to-Bar iaitu proses pembuatan coklat dari biji koko mentah hingga menjadi coklat siap sepenuhnya oleh pengusaha yang sama, pengeluar *Single Origin* yang hanya menggunakan biji koko dari satu sumber bagi mengekalkan keunikan rasa serta segmen *Artisanal Chocolate*, iaitu coklat buatan tangan yang menyasarkan pasaran niche. Meskipun pengeluaran bagi segmen ini berskala kecil, produk ini memiliki nilai pasaran yang tinggi berikutan kualiti dan keasliannya.



Perkembangan ini membuktikan bahawa sektor hiliran koko mempunyai potensi besar untuk menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan ekonomi negara, khususnya melalui usaha berterusan dalam kepelbagaian produk dan pengukuhan rantai nilai. Inisiatif sedemikian bukan sahaja dapat meningkatkan pendapatan pengusaha tempatan, malah berupaya mewujudkan peluang pekerjaan baharu dalam bidang pemprosesan, pemasaran dan logistik. Di samping itu, pelaksanaan program agro-pelancongan berasaskan koko di beberapa negeri menambah nilai kepada industri ini dengan menggabungkan elemen pelancongan, pendidikan dan pengalaman pertanian. Pendekatan ini bukan sahaja memperluas jangkauan industri koko, malah turut menarik minat masyarakat untuk lebih mengenali dan menghargai potensi koko tempatan.

Pelaburan berterusan dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D), khususnya dalam penghasilan variasi koko yang tahan penyakit dan berdaya hasil tinggi telah menyumbang kepada peningkatan produktiviti tanaman koko serta pengurangan kebergantungan kepada bahan kimia dan tenaga buruh. Usaha ini bukan sahaja memperkukuh daya saing industri koko negara, malah telah membuahkan kejayaan di peringkat antarabangsa. Malaysia telah meraih pengiktirafan menerusi penyertaan dalam *Cacao of Excellence Awards*, sebuah pertandingan berprestij yang menghimpunkan pengeluar biji koko berkualiti tinggi dari seluruh dunia. Antara pencapaian penting termasuk Encik Mispari Ramli dari Sungai Besar, Sabak Bernam yang menerima Anugerah Perak pada tahun 2023; Encik Sik Kim Soon dari Temangan, Machang, Kelantan yang memperoleh Anugerah Gangsa pada tahun 2021; serta Encik Poimon Dangkat dari Kampung Goshen, Kota Marudu, Sabah yang turut menerima pengiktirafan dalam edisi sama. Pencapaian ini membuktikan kemampuan pengusaha koko tempatan menghasilkan biji koko premium yang menepati piawaian antarabangsa.

Bagi memastikan kelestarian industri koko dalam jangka panjang, kerjasama strategik antara kerajaan, institusi penyelidikan, sektor swasta, dan komuniti pengusaha amat diperlukan. Pendekatan yang bersepadu dan inklusif dapat membantu Malaysia mengembalikan semula kekuatan dalam industri koko dan memastikan sumbangannya kekal relevan dalam ekonomi negara.



PENAFIAN

Pandangan yang dikemukakan adalah pandangan penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan DOSM.

RUJUKAN

Wood, G. A. R. & Lass, R. A. (1985). Cocoa. London: Longman.

Tan et al. (2023). A review on post-COVID-19 impacts and opportunities of agri-food supply chain in Malaysia

Abidin et al. (2018). The Journal of Social Sciences Research: Maximizing Crude Palm Oil Production in Malaysia: A Search for an Optimal Policy Using System Dynamics and Genetic Algorithm Approach

Lembaga Koko Malaysia. Perangkaan. Diperoleh daripada <https://www.koko.gov.my/doc/perangkaan>

Jabatan Pertanian Malaysia (2023). Data Statistik Tanaman Industri.

Malaysian Cocoa Board (2024). Strategic Plan for Cocoa Industry Development.



KOS BAHAN LANGSUNG TANAMAN KOKO DI MALAYSIA

Sharuddin Shafie¹, Fariza Kambut², Syafawati Abdul Refai¹, Mohamad Hasrolsafwan Abu Hassan²,
Muhamad Hakim Mohd Zaidi²

¹Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan, ²Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam
Sekitar,

Pengenalan

Tanaman koko merupakan salah satu tanaman ladang industri yang penting dalam sektor pertanian negara, khususnya sebagai sumber pendapatan pekebun kecil dan pengeluaran bahan mentah industri coklat (Lembaga Koko Malaysia [LKM], 2020; *Department of Statistics Malaysia* [DOSM], 2024). Pada peringkat matang, iaitu apabila pokok koko telah mencapai fasa pengeluaran hasil, pengurusan kos menjadi faktor kritikal bagi memastikan kelestarian pengeluaran dan daya saing ekonomi bagi tanaman koko. Antara komponen utama yang mempengaruhi kos perbelanjaan tanaman koko ialah kos bahan langsung.

Konsep Kos Bahan Langsung

Kos bahan langsung merujuk kepada perbelanjaan ke atas input yang digunakan secara terus dalam proses pengeluaran tanaman. Bagi tanaman koko peringkat matang, kos ini melibatkan input yang diperlukan untuk mengekalkan kesuburan pokok, mengawal perosak dan penyakit, serta menyokong aktiviti penuaian dan pemprosesan awal hasil (Jabatan Pertanian Malaysia, 2021; LKM, 2022). Kos bahan langsung lazimnya dinilai dalam bentuk kos tahunan per hektar dan menjadi asas penting dalam analisis kos pengeluaran.

Komponen Kos Bahan Langsung Tanaman Koko

1. Baja

Baja merupakan komponen kos bahan langsung yang terbesar dalam penanaman koko peringkat matang. Penggunaan baja NPK, magnesium serta bahan organik diperlukan secara berterusan bagi memastikan pertumbuhan vegetatif yang seimbang dan penghasilan buah yang optimum (LKM, 2022). Keperluan pembajaan yang konsisten menyebabkan perbelanjaan baja menyumbang lebih separuh daripada jumlah kos bahan langsung.

2. Racun Perosak dan Penyakit

Tanaman koko terdedah kepada pelbagai ancaman perosak dan penyakit seperti *Cocoa Pod Borer* (CPB), penyakit reput buah dan penyakit vaskular (LKM, 2020; Alias et al., 2019). Oleh itu, penggunaan racun serangga, racun kulat dan bahan kawalan biologi menjadi keperluan penting untuk mengekalkan tahap hasil dan kualiti biji koko.

3. Bahan Sokongan Ladang dari Bahan Penuaian dan Bahan Pemprosesan awal

Bahan sokongan merangkumi keperluan seperti penggantian anak pokok mati, bahan naungan, sungkupan dan input lain yang menyokong persekitaran pertumbuhan koko. Walaupun perbelanjaannya lebih rendah berbanding baja dan racun, komponen ini tetap penting dalam memastikan kelestarian ladang jangka panjang. Manakala pada peringkat matang, aktiviti penuaian dijalankan secara berkala sepanjang tahun. Kos bahan penuaian melibatkan peralatan asas seperti pisau, bekas kutipan, guni dan bahan habis guna lain. Komponen ini menyokong kelancaran proses penuaian dan pengendalian hasil di ladang. Selain itu, Pemprosesan awal seperti penapaian dan pengeringan biji koko memerlukan input tertentu termasuk bekas penapaian, para-para pengeringan dan bahan sokongan lain (Jabatan Pertanian Malaysia, 2021). Kos ini penting bagi memastikan kualiti biji koko yang memenuhi keperluan pasaran dan piawaian industri.






Anggaran Struktur Kos Bahan Langsung

Secara purata, kos bahan langsung tanaman koko peringkat matang dianggarkan sekitar RM4,000 sehektar setahun. Baja menyumbang kira-kira 50 hingga 55 peratus daripada jumlah kos, diikuti oleh racun perosak dan penyakit sekitar 30 hingga 35 peratus. Baki kos terdiri daripada bahan sokongan ladang, bahan penuaian dan bahan pemprosesan awal.


Carta 1: Penggunaan Kos Bahan Langsung Tanaman Koko Peringkat Matang



Sumber: Lembaga Koko Malaysia

Pecahan kos bahan langsung bagi penanaman koko pada peringkat matang, menunjukkan baja merupakan komponen kos tertinggi dengan sumbangan sebanyak 55.0 peratus daripada jumlah keseluruhan. Kebergantungan terhadap baja mencerminkan keperluan nutrien berterusan untuk mengekalkan produktiviti dan hasil tanaman koko pada fasa berbuah. Manakala kos racun perosak dan kulat menyumbang 22.0 peratus, berfungsi sebagai kawalan penyakit dan perosak, khususnya bagi mengurangkan risiko serangan penyakit reput akar dan serangan serangga. Peralatan sokongan mencatat sumbangan 13.0 peratus, iaitu keperluan input fizikal seperti dawai dan bahan gantian adalah minimum berbanding input agronomi lain setelah tanaman mencapai tahap matang. Secara keseluruhan, struktur kos ini menggambarkan pengurusan nutrien dan perlindungan tanaman merupakan faktor utama yang mempengaruhi kos operasi tahunan ladang koko pada peringkat matang

**Carta 2: Peratusan Penggunaan Kos Bahan Langsung Tanaman Koko
Peringkat Teraras Banci Pertanian 2024.**



Sumber : Banci Pertanian 2024

Penemuan Banci Pertanian 2024 menggambarkan komposisi perbelanjaan input utama dalam aktiviti penanaman koko peringkat matang. Perbelanjaan terbesar disumbangkan oleh baja (50.3%) yang merangkumi lebih separuh daripada keseluruhan kos input. Ini menunjukkan kebergantungan operasi ladang terhadap nutrien tanah bagi menyokong pertumbuhan dan produktiviti tanaman serta memperbaiki struktur tanah. Bagi kawalan penyakit, racun kulat dan serangga penyumbang kedua tertinggi dengan sumbangan 41.2 peratus, mencerminkan keperluan kawalan perosak dan penyakit bagi memastikan kualiti pengeluaran koko terjamin. Contoh racun kulat dan serangga adalah metalaxyl, mancozeb, Imidacloprid dan Chlorantraniliprole. Selain itu, racun rumput turut digunakan bagi mengurangkan persaingan nutrien antara pokok koko. Sementara itu, komponen peralatan sokongan mencatatkan peratusan yang rendah dengan sumbangan 8.3 peratus, merangkumi perbelanjaan sokongan yang bersifat pelengkap kepada operasi keseluruhan, contohnya tali, plastik penutup anak pokok dan kayu sokongan untuk anak pokok koko. Secara keseluruhannya, kawalan kos bahan langsung yang efisien bukan sahaja menyumbang kepada peningkatan produktiviti, malah mengukuhkan kedudukan industri lada sebagai sektor pertanian bernilai tinggi di Malaysia.



Rajah 1: Perbandingan Komposisi Kos Bahan Langsung Tanaman Koko Peringkat Matang


Komposisi Kos Bahan Langsung Penanaman Koko Peringkat Matang			Komposisi Kos Bahan Langsung Dapatan Banci Pertanian 2024	
Komponen	Anggaran Kos Tahunan (RM/ha)	Peratus (%)	Komponen	Peratus kegunaan (%)
Baja	2,200	55.0%	Baja	50.3%
Racun perosak/ kulat	900	32.0%	Racun perosak/ kulat	41.2%
Peralatan Sokongan	300	13.3%	Peralatan Sokongan	8.3%
			Anak benih	0.2%

Sumber: Lembaga Koko Malaysia dan Banci Pertanian 2024

Analisis perbandingan komposisi kos bahan langsung tanaman koko peringkat matang menunjukkan hasil penemuan Banci Pertanian 2024 melaporkan sumbangan peratusan komponen kos bahan langsung selari dengan corak kos bahan langsung nasional dengan penemuan utama terhadap baja dan perlindungan tanaman yang mempengaruhi kos operasi tanaman bagi pengeluaran koko. Walau bagaimanapun, penemuan Banci Pertanian 2024 turut merekodkan penggunaan anak benih yang minimum di peringkat matang iaitu sebanyak 0.2 peratus.

Kesimpulan

Kos bahan langsung merupakan komponen utama dalam struktur kos pengeluaran tanaman koko peringkat matang. Dengan perancangan dan pengurusan input yang berkesan, tanaman koko berpotensi untuk menjadi sumber pendapatan yang mampan kepada pengusaha ladang di Malaysia (DOSM, 2024; LKM, 2022).



PENAFIAN

Pandangan yang dikemukakan adalah pandangan penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan DOSM

RUJUKAN

Alias, M. A., Ibrahim, W. M. W., & Hamzah, N. (2019). Cost of production and profitability of cocoa smallholders in Malaysia. *Malaysian Journal of Agricultural Economics*, 28(2), 45–60.

Department of Statistics Malaysia. (2024). *Banci pertanian 2024: Tanaman industri terpilih*. Putrajaya: DOSM.

Jabatan Pertanian Malaysia. (2021). *Panduan amalan pertanian baik (MyGAP) tanaman koko*. Putrajaya: Jabatan Pertanian Malaysia.

Lembaga Koko Malaysia. (2020). *Manual teknologi tanaman koko*. Kota Kinabalu: Lembaga Koko Malaysia.

Lembaga Koko Malaysia. (2022). *Pakej teknologi pengurusan ladang koko mampan*. Kota Kinabalu: LKM.



JADUAL STATISTIK

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Jadual 1.0: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Koko mengikut Negeri, Malaysia, 2023

Table 1.0: Agriculture Holding for Cocoa Crop by State, Malaysia, 2023

Negeri State	Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agriculture Holding	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Malaysia	4,147	99.6	16	0.4	4,163	100.0
Johor	52	96.3	2	3.7	54	100.0
Kedah	29	100.0	-	-	29	100.0
Kelantan	130	100.0	-	-	130	100.0
Melaka	6	100.0	-	-	6	100.0
Negeri Sembilan	14	100.0	-	-	14	100.0
Pahang	116	97.5	3	2.5	119	100.0
Pulau Pinang	1	100.0	-	-	1	100.0
Perak	385	99.5	2	0.5	387	100.0
Perlis	9	100.0	-	-	9	100.0
Selangor	42	97.7	1	2.3	43	100.0
Terengganu	5	83.3	1	16.7	6	100.0
Sabah	2,217	99.9	3	0.1	2,220	100.0
Sarawak	1,141	99.7	4	0.3	1,145	100.0
W.P. Kuala Lumpur	-	-	-	-	-	-
W.P. Labuan	-	-	-	-	-	-
W.P. Putrajaya	-	-	-	-	-	-

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Negeri merujuk kepada lokasi tempat kediaman pegangan pertanian

Notes:

1. State refer to the location of agriculture holder's living quarters

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023

Table 1.1: Agriculture Holding for Cocoa Crop by Administrative District, Malaysia, 2023

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Individu <i>Individual</i>		Pertubuhan <i>Establishment</i>		Pegangan Pertanian <i>Agriculture Holding</i>	
	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Malaysia	4,147	99.6	16	0.4	4,163	100.0
Johor	52	96.3	2	3.7	54	100.0
Batu Pahat	35	100.0	-	-	35	100.0
Johor Bahru	1	100.0	-	-	1	100.0
Kluang	-	-	-	-	-	-
Kota Tinggi	-	-	-	-	-	-
Mersing	-	-	-	-	-	-
Muar	10	100.0	-	-	10	100.0
Pontian	1	100.0	-	-	1	100.0
Segamat	-	-	1	100.0	1	100.0
Kulai	4	80.0	1	20.0	5	100.0
Tangkak	1	100.0	-	-	1	100.0
Kedah	29	100.0	-	-	29	100.0
Baling	-	-	-	-	-	-
Bandar Baharu	-	-	-	-	-	-
Kota Setar	-	-	-	-	-	-
Kuala Muda	-	-	-	-	-	-
Kubang Pasu	28	100.0	-	-	28	100.0
Kulim	1	100.0	-	-	1	100.0
Langkawi	-	-	-	-	-	-
Padang Terap	-	-	-	-	-	-
Sik	-	-	-	-	-	-
Yan	-	-	-	-	-	-
Pendang	-	-	-	-	-	-
Pokok Sena	-	-	-	-	-	-

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)

Table 1.1: Agriculture Holding for Cocoa Crop by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd.)

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Individu <i>Individual</i>		Pertubuhan <i>Establishment</i>		Pegangan Pertanian <i>Agriculture Holding</i>	
	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Kelantan	130	100.0	-	-	130	100.0
Bachok	-	-	-	-	-	-
Kota Bharu	-	-	-	-	-	-
Machang	6	100.0	-	-	6	100.0
Pasir Mas	4	100.0	-	-	4	100.0
Pasir Puteh	-	-	-	-	-	-
Tanah Merah	8	100.0	-	-	8	100.0
Tumpat	1	100.0	-	-	1	100.0
Gua Musang	92	100.0	-	-	92	100.0
Kuala Krai	4	100.0	-	-	4	100.0
Jeli	15	100.0	-	-	15	100.0
Kecil Lojing	-	-	-	-	-	-
Melaka	6	100.0	-	-	6	100.0
Alor Gajah	2	100.0	-	-	2	100.0
Jasin	2	100.0	-	-	2	100.0
Melaka Tengah	2	100.0	-	-	2	100.0
Negeri Sembilan	14	100.0	-	-	14	100.0
Jelevu	-	-	-	-	-	-
Kuala Pilah	1	100.0	-	-	1	100.0
Port Dickson	-	-	-	-	-	-
Rembau	4	100.0	-	-	4	100.0
Seremban	-	-	-	-	-	-
Tampin	-	-	-	-	-	-
Jempol	9	100.0	-	-	9	100.0

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)*Table 1.1: Agriculture Holding for Cocoa Crop by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd.)*

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Individu <i>Individual</i>		Pertubuhan <i>Establishment</i>		Pegangan Pertanian <i>Agriculture Holding</i>	
	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Pahang	116	97.5	3	2.5	119	100.0
Bentong	1	100.0	-	-	1	100.0
Cameron Highlands	-	-	-	-	-	-
Jerantut	11	100.0	-	-	11	100.0
Kuantan	-	-	-	-	-	-
Lipis	91	100.0	-	-	91	100.0
Pekan	-	-	-	-	-	-
Raub	10	100.0	-	-	10	100.0
Temerloh	-	-	2	100.0	2	100.0
Rompin	-	-	-	-	-	-
Maran	-	-	-	-	-	-
Bera	3	75.0	1	25.0	4	100.0
Pulau Pinang	1	100.0	-	-	1	100.0
Seberang Perai Tengah	-	-	-	-	-	-
Seberang Perai Utara	1	100.0	-	-	1	100.0
Seberang Perai Selatan	-	-	-	-	-	-
Timur Laut	-	-	-	-	-	-
Barat Daya	-	-	-	-	-	-
Perak	385	99.5	2	0.5	387	100.0
Batang Padang	62	100.0	-	-	62	100.0
Manjung	7	87.5	1	12.5	8	100.0
Kinta	73	100.0	-	-	73	100.0
Kerian	-	-	-	-	-	-
Kuala Kangsar	187	100.0	-	-	187	100.0
Larut Dan Matang	7	100.0	-	-	7	100.0
Hilir Perak	15	93.8	1	6.3	16	100.0
Hulu Perak	13	100.0	-	-	13	100.0
Perak Tengah	8	100.0	-	-	8	100.0
Kampar	1	100.0	-	-	1	100.0
Muallim	8	100.0	-	-	8	100.0
Bagan Datuk	3	100.0	-	-	3	100.0
Selama	1	100.0	-	-	1	100.0

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)*Table 1.1: Agriculture Holding for Cocoa Crop by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd.)*

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Individu <i>Individual</i>		Pertubuhan <i>Establishment</i>		Pegangan Pertanian <i>Agriculture Holding</i>	
	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Perlis	9	100.0	-	-	9	100.0
Selangor	42	97.7	1	2.3	43	100.0
Gombak	-	-	-	-	-	-
Klang	4	100.0	-	-	4	100.0
Kuala Langat	5	100.0	-	-	5	100.0
Kuala Selangor	8	100.0	-	-	8	100.0
Petaling	-	-	1	100.0	1	100.0
Sabak Bernam	21	100.0	-	-	21	100.0
Sepang	-	-	-	-	-	-
Ulu Langat	2	100.0	-	-	2	100.0
Ulu Selangor	2	100.0	-	-	2	100.0
Terengganu	5	83.3	1	16.7	6	100.0
Besut	2	66.7	1	33.3	3	100.0
Dungun	-	-	-	-	-	-
Kemaman	-	-	-	-	-	-
Kuala Terengganu	-	-	-	-	-	-
Marang	2	100.0	-	-	2	100.0
Hulu Terengganu	1	100.0	-	-	1	100.0
Setiu	-	-	-	-	-	-
Kuala Nerus	-	-	-	-	-	-

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)

Table 1.1: Agriculture Holding for Cocoa Crop by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd.)

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Individu <i>Individual</i>		Pertubuhan <i>Establishment</i>		Pegangan Pertanian <i>Agriculture Holding</i>	
	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Sabah	2,217	99.9	3	0.1	2,220	100.0
Tawau	82	97.6	2	2.4	84	100.0
Lahad Datu	1	100.0	-	-	1	100.0
Semporna	1	100.0	-	-	1	100.0
Sandakan	44	100.0	-	-	44	100.0
Kinabatangan	13	100.0	-	-	13	100.0
Beluran	-	-	-	-	-	-
Kota Kinabalu	18	100.0	-	-	18	100.0
Ranau	850	100.0	-	-	850	100.0
Kota Belud	168	100.0	-	-	168	100.0
Tuaran	118	100.0	-	-	118	100.0
Penampang	29	100.0	-	-	29	100.0
Papar	-	-	-	-	-	-
Kudat	90	100.0	-	-	90	100.0
Kota Marudu	85	100.0	-	-	85	100.0
Pitas	2	100.0	-	-	2	100.0
Beaufort	1	100.0	-	-	1	100.0
Kuala Penyu	-	-	-	-	-	-
Sipitang	12	100.0	-	-	12	100.0
Tenom	172	100.0	-	-	172	100.0
Nabawan	115	100.0	-	-	115	100.0
Keningau	217	100.0	-	-	217	100.0
Tambunan	173	100.0	-	-	173	100.0
Kunak	-	-	1	100.0	1	100.0
Tongod	23	100.0	-	-	23	100.0
Putatan	1	100.0	-	-	1	100.0
Telupid	2	100.0	-	-	2	100.0
Kalabakan	-	-	-	-	-	-
Membakut	-	-	-	-	-	-

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)*Table 1.1: Agriculture Holding for Cocoa Crop by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd.)*

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Individu <i>Individual</i>		Pertubuhan <i>Establishment</i>		Pegangan Pertanian <i>Agriculture Holding</i>	
	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Sarawak	1,141	99.7	4	0.3	1,145	100.0
Kuching	127	100.0	-	-	127	100.0
Bau	6	100.0	-	-	6	100.0
Lundu	4	80.0	1	20.0	5	100.0
Samarahan	5	100.0	-	-	5	100.0
Serian	31	96.9	1	3.1	32	100.0
Simunjan	213	100.0	-	-	213	100.0
Sri Aman	42	100.0	-	-	42	100.0
Lubok Antu	76	98.7	1	1.3	77	100.0
Betong	47	100.0	-	-	47	100.0
Saratok	53	100.0	-	-	53	100.0
Sarikei	35	100.0	-	-	35	100.0
Maradong	33	100.0	-	-	33	100.0
Daro	-	-	-	-	-	-
Julau	16	100.0	-	-	16	100.0
Sibu	1	100.0	-	-	1	100.0
Dalat	-	-	-	-	-	-
Mukah	-	-	-	-	-	-
Kanowit	-	-	-	-	-	-
Bintulu	17	100.0	-	-	17	100.0
Tatau	25	100.0	-	-	25	100.0
Kapit	3	100.0	-	-	3	100.0
Song	-	-	-	-	-	-
Belaga	10	100.0	-	-	10	100.0
Miri	-	-	-	-	-	-
Marudi	-	-	-	-	-	-
Limbang	-	-	-	-	-	-
Lawas	-	-	-	-	-	-
Matu	-	-	-	-	-	-
Asajaya	105	100.0	-	-	105	100.0
Pakan	3	75.0	1	25.0	4	100.0
Selangau	3	100.0	-	-	3	100.0
Tebedu	102	100.0	-	-	102	100.0
Pusa	3	100.0	-	-	3	100.0
Kabong	5	100.0	-	-	5	100.0
Tanjung Manis	1	100.0	-	-	1	100.0
Sebauh	2	100.0	-	-	2	100.0
Bukit Mabong	-	-	-	-	-	-
Subis	-	-	-	-	-	-
Beluru	12	100.0	-	-	12	100.0

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)

Table 1.1: Agriculture Holding for Cocoa Crop by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd.)

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Individu <i>Individual</i>		Pertubuhan <i>Establishment</i>		Pegangan Pertanian <i>Agriculture Holding</i>	
	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Telang Usan	-	-	-	-	-	-
Gedong	3	100.0	-	-	3	100.0
Sebuyau	135	100.0	-	-	135	100.0
Siburan	8	100.0	-	-	8	100.0
Pantu	15	100.0	-	-	15	100.0
Lingga	-	-	-	-	-	-
W.P. Kuala Lumpur	-	-	-	-	-	-
W.P. Labuan	-	-	-	-	-	-
W.P. Putrajaya	-	-	-	-	-	-

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Negeri dan daerah pentadbiran merujuk kepada lokasi tempat kediaman pegangan pertanian

Notes:

1. State and administrative district refer to the location of agriculture holder's living quarters

Jadual 1.2: Pegangan Pertanian Pertubuhan bagi Tanaman Koko mengikut Negeri, Malaysia, 2023
Table 1.2: Establishment Agriculture Holding for Cocoa Crop by State, Malaysia, 2023

Negeri State	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Malaysia	16	100.0
Johor	2	12.5
Kedah	-	-
Kelantan	-	-
Melaka	-	-
Negeri Sembilan	-	-
Pahang	3	18.8
Pulau Pinang	-	-
Perak	2	12.5
Perlis	-	-
Selangor	1	6.3
Terengganu	1	6.3
Sabah	3	18.8
Sarawak	4	25.0
W.P. Kuala Lumpur	-	-
W.P. Labuan	-	-
W.P. Putrajaya	-	-

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Negeri merujuk kepada lokasi tempat kediaman pegangan pertanian

Notes:

1. State district refer to the location of agriculture holder's living quarters

Jadual 1.3: Pegangan Pertanian Pertubuhan bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023

Table 1.3: Establishment Agriculture Holding for Cocoa Crop by Administrative District, Malaysia, 2023

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Malaysia	16	100.0
Johor	2	12.5
Batu Pahat	-	-
Johor Bahru	-	-
Kluang	-	-
Kota Tinggi	-	-
Mersing	-	-
Muar	-	-
Pontian	-	-
Segamat	1	6.3
Kulai	1	6.3
Tangkak	-	-
Kedah	-	-
Baling	-	-
Bandar Baharu	-	-
Kota Setar	-	-
Kuala Muda	-	-
Kubang Pasu	-	-
Kulim	-	-
Langkawi	-	-
Padang Terap	-	-
Sik	-	-
Yan	-	-
Pendang	-	-
Pokok Sena	-	-
Kelantan	-	-
Bachok	-	-
Kota Bharu	-	-
Machang	-	-
Pasir Mas	-	-
Pasir Puteh	-	-
Tanah Merah	-	-
Tumpat	-	-
Gua Musang	-	-
Kuala Krai	-	-
Jeli	-	-
Kecil Lojing	-	-

Jadual 1.3: Pegangan Pertanian Pertubuhan bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)

Table 1.3: Establishment Agriculture Holding for Cocoa Crop by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd.)

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Melaka	-	-
Alor Gajah	-	-
Jasin	-	-
Melaka Tengah	-	-
Negeri Sembilan	-	-
Jelebu	-	-
Kuala Pilah	-	-
Port Dickson	-	-
Rembau	-	-
Seremban	-	-
Tampin	-	-
Jempol	-	-
Pahang	3	18.8
Bentong	-	-
Cameron Highlands	-	-
Jerantut	-	-
Kuantan	-	-
Lipis	-	-
Pekan	-	-
Raub	-	-
Temerloh	2	12.5
Rompin	-	-
Maran	-	-
Bera	1	6.3
Pulau Pinang	-	-
Seberang Perai Tengah	-	-
Seberang Perai Utara	-	-
Seberang Perai Selatan	-	-
Timur Laut	-	-
Barat Daya	-	-
Perak	2	12.5
Batang Padang	-	-
Manjung	1	6.3
Kinta	-	-
Kerian	-	-
Kuala Kangsar	-	-

Jadual 1.3: Pegangan Pertanian Pertubuhan bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)

Table 1.3: Establishment Agriculture Holding for Cocoa Crop by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd.)

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Larut Dan Matang	-	-
Hilir Perak	1	6.3
Hulu Perak	-	-
Perak Tengah	-	-
Kampar	-	-
Muallim	-	-
Bagan Datuk	-	-
Selama	-	-
Perlis	-	-
Selangor	1	6.3
Gombak	-	-
Klang	-	-
Kuala Langat	-	-
Kuala Selangor	-	-
Petaling	1	6.3
Sabak Bernam	-	-
Sepang	-	-
Ulu Langat	-	-
Ulu Selangor	-	-
Terengganu	1	6.3
Besut	1	6.3
Dungun	-	-
Kemaman	-	-
Kuala Terengganu	-	-
Marang	-	-
Hulu Terengganu	-	-
Setiu	-	-
Kuala Nerus	-	-
Sabah	3	18.8
Tawau	2	12.5
Lahad Datu	-	-
Semporna	-	-
Sandakan	-	-
Kinabatangan	-	-
Beluran	-	-
Kota Kinabalu	-	-
Ranau	-	-

Jadual 1.3: Pegangan Pertanian Pertubuhan bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)

Table 1.3: Establishment Agriculture Holding for Cocoa Crop by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd.)

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Kota Belud	-	-
Tuaran	-	-
Penampang	-	-
Papar	-	-
Kudat	-	-
Kota Marudu	-	-
Pitas	-	-
Beaufort	-	-
Kuala Penyu	-	-
Sipitang	-	-
Tenom	-	-
Nabawan	-	-
Keningau	-	-
Tambunan	-	-
Kunak	1	6.3
Tongod	-	-
Putatan	-	-
Telupid	-	-
Kalabakan	-	-
Membakut	-	-
Sarawak	4	25.0
Kuching	-	-
Bau	-	-
Lundu	1	6.3
Samarahan	-	-
Serian	1	6.3
Simunjan	-	-
Sri Aman	-	-
Lubok Antu	1	6.3
Betong	-	-
Saratok	-	-
Sarikei	-	-
Maradong	-	-
Daro	-	-
Julau	-	-
Sibu	-	-
Dalat	-	-
Mukah	-	-
Kanowit	-	-
Bintulu	-	-

Jadual 1.3: Pegangan Pertanian Pertubuhan bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)

Table 1.3: Establishment Agriculture Holding for Cocoa Crop by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd.)

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Tatau	-	-
Kapit	-	-
Song	-	-
Belaga	-	-
Miri	-	-
Marudi	-	-
Limbang	-	-
Lawas	-	-
Matu	-	-
Asajaya	-	-
Pakan	1	6.3
Selangau	-	-
Tebedu	-	-
Pusa	-	-
Kabong	-	-
Tanjung Manis	-	-
Sebauh	-	-
Bukit Mabong	-	-
Subis	-	-
Beluru	-	-
Telang Usan	-	-
Gedong	-	-
Sebuyau	-	-
Siburan	-	-
Pantu	-	-
Lingga	-	-
W.P. Kuala Lumpur	-	-
W.P. Labuan	-	-
W.P. Putrajaya	-	-

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Negeri dan daerah pentadbiran merujuk kepada lokasi tempat kediaman pegangan pertanian

Notes:

1. State and administrative district refer to the location of agriculture holder's living quarters

